


ERA BARU TRANSFORMASI

Memangkin Strategi Baru Pertumbuhan Perniagaan

*A NEW ERA OF TRANSFORMATION
Catalysing New Business Growth Strategies*



LAPORAN TAHUNAN 2012 ANNUAL REPORT

Era Baru Transformasi


Memangkin Strategi Baru Pertumbuhan Perniagaan

Setelah sedekad perjalanan dengan kejayaan dalam pelaksanaan Dasar dan Program Pembangunan PKS, tahun 2012 telah terbukti sebagai satu **gerbang untuk PKS** melangkah ke dalam **era baru transformasi**, khususnya dengan pelancaran **Pelan Induk PKS 2012-2020**. Tahun 2012 telah mencorak hala tuju baru untuk PKS **memangkinkan strategi baru pertumbuhan perniagaan**, membantu mereka mentakrifkan semula parameter kemajuan perniagaan mereka.

A New Era of Transformation

Catalysing New Business Growth Strategies

After a decade's journey with successful implementation of progressive policies and programmes for SME development, 2012 proved to be a gateway for SMEs to step into a new era of transformation, especially with the introduction of the SME Masterplan 2012-2020. Going beyond policies, 2012 shaped the new roadmap for SMEs to catalyse new business growth strategies, helping them to redefine the parameters of their progress.





Lambang tiga garisan seperti anak panah menunjukkan kesinambungan peranan SME Corp. Malaysia di dalam menyokong dan membangunkan PKS. Garisan seperti anak panah yang bergerak ke atas, menggambarkan SME Corp. Malaysia sebagai sebuah entiti yang dinamik, berpandangan ke hadapan dan berjaya.

Warna biru kehijauan, kelabu dan merah lembayung memaparkan sebuah organisasi yang moden, inovatif dan dinamik. Perkataan “SME Corp. Malaysia” menggunakan fon italic sebagai simbol progresif dan berfikiran maju ke hadapan.

The three graphic arrow-like lines indicate the continuous motion of SME Corp. Malaysia's role in supporting and developing SMEs. Moving in an entity that is dynamic, forward-thinking and success-driven.

The colours cyan, warm grey and magenta project the organisation as cutting-edge, innovative and dynamic. “SME Corp. Malaysia” is rendered in italic font, which symbolises progressiveness and forward-thinking.



visi
vision

Organisasi utama menerajui pembangunan PKS yang progresif bagi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negara.

The premier organisation for the development of progressive SMEs to enhance wealth creation and social well-being of the nation.



misi
mission

Menggalakkan pembangunan PKS yang berdaya saing, berinovasi serta berdaya tahan melalui penyelarasan dan penyediaan khidmat sokongan perniagaan yang efektif.

Promote the development of competitive, innovative and resilient SMEs through effective coordination and provision of business support.



Kenyataan Pengerusi <i>Chairman's Statement</i>	6
Mesej Ketua Eksekutif <i>CEO's Message</i>	12
Rakan Kerjasama Kami Menuju Kemajuan <i>Our Partners in Progress</i>	19
Masa Hadapan Anda Bersama Kami <i>Your Future with Us</i>	25
Maklumat Korporat <i>Corporate Information</i>	31
▶ Mengenai Organisasi Kami <i>About Our Organisation</i>	32
▶ Struktur Organisasi <i>Organisational Structure</i>	40
▶ Ahli Perbadanan <i>Members of Corporation</i>	45
▶ Pengurusan Kanan <i>Senior Management</i>	85
Program Teras <i>Flagship Programmes</i>	93
Kisah Kejayaan PKS <i>SME Success Stories</i>	145
Penyata Kewangan <i>Financial Statements</i>	155
Laporan Kewangan <i>Financial Report</i>	159

GAMBARAN MENYELURUH

Hasil dari gabungan menyeluruh adalah lebih besar daripada bahagian-bahagian individu. Kini telah tiba masanya untuk PKS bergabung dan menjadi pemangkin pertumbuhan perniagaan mereka sendiri.



The Sum of All is Greater than the Parts. It is time for SMEs to join hands and be catalysts of their own business growth.

**THE BIG
PICTURE**



“

Dalam memenuhi misi kami sebagai Agensi Penyelarasan Pusat, SME Corp. Malaysia berusaha untuk memperkasakan kelompok besar kritikal PKS dengan proses yang efisyen, model perniagaan yang teguh, akses kepada sumber kewangan, perkongsian pintar, strategi masuk ke pasaran dan kaedah penyelesaian pertumbuhan perniagaan yang mampan.

”

Bagi pihak Ahli Perbadanan, saya dengan sukacitanya mengemukakan Laporan Tahunan SME Corporation Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Tahun 2012 adalah amat bermakna di mana beberapa pencapaian penting yang baru telah dibuat dan hala tuju yang bercita-cita tinggi untuk PKS dalam semua sektor ekonomi telah dibentuk. Pada bulan Julai tahun lepas,

Pelan Induk PKS 2012-2020 telah diperkenalkan bertujuan untuk merangsang pertumbuhan PKS melalui peningkatan produktiviti dan inovasi. Pelan Induk ini menggariskan hala tuju dasar untuk PKS sehingga tahun 2020 dan mengambil pendekatan berdasarkan hasil menerusi 32 inisiatif yang merangkumi 6 Program Berimpak Tinggi (HIP) yang dikelompokkan secara umum ke dalam 4 langkah tema. Kesemua inisiatif ini dibentuk untuk menyumbang ke arah mencapai matlamat Pelan Induk PKS 2012-2020 yang digariskan dalam Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS, iaitu mempertingkatkan penubuhan perniagaan, menambah bilangan firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi

In fulfilling our mission as a Central Coordinating Agency, SME Corp. Malaysia endeavours to empower the critical mass of SMEs with efficient processes, robust business models, access to financial resources, smart partnerships, market-entry strategies and sustainable growth solutions.

On behalf of the Members of the Corporation, I am delighted to present SME Corporation Malaysia Annual Report for the financial year ended 31 December 2012.

The year 2012 was a significant year in terms of establishing some new milestones and setting an ambitious roadmap for SMEs across all sectors of the economy. In July last year, the SME Masterplan 2012-2020 was introduced with the aim to accelerate growth of SMEs through productivity gains and innovation. While the Masterplan defines the policy direction for SMEs until the year 2020, it takes an outcome-based approach with 32 initiatives, which include 6 High Impact Programmes (HIPs) that are broadly clustered into 4 thematic measures. All of these initiatives are designed to contribute towards fulfilling the goals as outlined in the new SME Development Framework of the SME Masterplan 2012-2020, which are, to increase business formation, expand number of high growth and innovative firms, raise productivity and intensity formalisation. Ultimately, through these objectives, we are able to increase contribution of SMEs to the economy and help them achieve global competitiveness, which is essential towards wealth creation and socio-economic development of the nation.

The near-term growth objectives for SMEs continue to be supported by the progressive policies outlined in the Tenth Malaysia Plan (10MP), alongside our development programmes, which promise to equip the SMEs with various tools, techniques, processes, systems and expertise for steady and sustainable growth.

Propellers of Sectoral Growth

About 60 per cent of the Entry Point Projects (EPPs) earmarked are expected to benefit SMEs across all sectors. However, the services sector is expected to be the main growth driver of the economy, with its share to GDP projected to rise to 65 per cent by 2020. In 2012 and beyond, our efforts are towards identifying new growth opportunities in high-value activities, such as wholesale and retail; tourism; business services; financial services; healthcare; palm oil; agriculture; education; communications content and infrastructure; electrical and electronics and oil, gas and power. These areas provide immense potential for SMEs to move to the next level of performance.

Local Competence, Global Competitiveness

The current and future growth of SMEs, as outlined in the SME Masterplan

dan berinovasi, mempertingkatkan produktiviti dan mempergiat usaha pemformalan. Pada dasarnya, melalui objektif-objektif ini, pihak kami dapat mempertingkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi dan membantu PKS mencapai daya saing global yang amat penting ke arah kemakmuran dan perkembangan sosio-ekonomi negara.

Objektif pertumbuhan jangka pendek PKS terus disokong oleh dasar progresif yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), seiringan dengan program pembangunan kami yang bertujuan untuk memperlengkapi PKS dengan pelbagai kaedah, teknik, proses, sistem dan kepakaran untuk pertumbuhan yang berterusan dan mampan.

Pendorong Pertumbuhan Sektor

Lebih kurang 60 peratus Projek Permulaan (EPP) yang telah dikenalpasti dijangka akan memberi manfaat kepada PKS merangkumi semua sektor. Walaubagaimanapun, sektor perkhidmatan dijangka menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi dengan sumbangannya kepada KDNK diunjurkan akan naik ke 65 peratus pada tahun 2020. Pada tahun 2012 dan seterusnya, usaha kami adalah ke arah mengenalpasti peluang pertumbuhan baru di dalam aktiviti nilai tinggi seperti pemborongan

dan peruncitan; pelancongan; perkhidmatan perniagaan; perkhidmatan kewangan; penjagaan kesihatan; pengeluaran minyak kelapa sawit; pertanian; pendidikan; pengisian dan infrastruktur komunikasi; elektrikal dan elektronik; serta minyak, gas dan tenaga. Bidang-bidang ini memberi PKS potensi yang amat besar untuk bergerak ke tahap prestasi seterusnya.

Kecekapan Tempatan, Daya Saing Global

Pertumbuhan PKS kini dan di masa akan datang, seperti yang digariskan di dalam Pelan Induk PKS 2012-2020, akan didorong dan dipengaruhi oleh 6 faktor penting iaitu penerapan inovasi dan teknologi, pembangunan modal insan, akses kepada pembiayaan, akses ke pasaran, persekitaran perundangan dan pengawalan, dan infrastruktur. Prasyarat-prasyarat ini adalah penting untuk mendorong pertumbuhan PKS bagi membantu mereka mencapai potensi penuh di pasaran tempatan dan global.

Pada tahun 2012, kesemua Program Pembangunan PKS yang sedia ada telah diselaraskan berdasarkan 6 bidang tumpuan tersebut untuk pelaksanaan yang lancar. Penyelarasan program tersebut adalah sejajar dengan aspirasi negara yang lebih meluas demi mencapai ekonomi berpendapatan tinggi pada tahun 2020 melalui pertumbuhan yang dipacu oleh inovasi dan produktiviti.

Sebahagian daripada program berkenaan yang telah dilaksanakan pada 2012 adalah termasuk:

- Kerjasama dengan Pasar Raya Besar untuk membantu membawa produk PKS tempatan ke pasaran antarabangsa;
- Sesi bersama pakar mengenai peningkatan kualiti pembungkusan dan penjenamaan bagi menarik segmen pasaran yang lebih besar; dan
- Menggalakkan usahawan untuk menceburi industri yang dipacu oleh teknologi tinggi dan inovasi melalui pensijilan.

2012-2020, will be induced and influenced by 6 critical factors namely, innovation and technology adoption, human capital development, access to financing, market access, legal and regulatory environment and infrastructure. These are the prerequisites for growth that will help SMEs in achieving their full potential locally, as well as, globally.

For seamless implementation, in 2012, we saw a need for a consolidation of strengths by realigning all the existing SME Development Programmes based on these 6 focus areas, which also means aligning to the broader national aspirations of achieving a high-income economy by 2020 through innovation-led and productivity-driven growth.

Some of these programmes in 2012 include:

- Collaborations with Hypermarkets to help local SMEs venture into the international markets;
- Professional sessions on improving branding and packaging to appeal to broader market segments; and
- Encouraging entrepreneurs to venture into high technology and innovation-driven industries through certifications.

Sustainable Performance and Growth

SME Corp. Malaysia's 2012 performance was positive on all aspects mainly due to the strong foundation we built over the past 3 years, to include new SME development frameworks, grass-roots outreach programme for greater awareness and knowledge. We also strengthened our organisational capacity through talent acquisition, as well as, hard and soft infrastructure initiatives. Last year, 9,211 SMEs participated in the SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE) programme, which reflects their willingness and commitment to achieve new level of competency by reviewing and improving aspects, such as management and

operational capabilities, technology adoption, certification initiatives, and technical, financial and marketing plans.

Our Singular Purpose

In fulfilling our singular mission to promote the development of competitive, innovative and resilient SMEs through effective coordination and provision of business support, we fuelled our organisation with young talents, who brought with them a fresh perspective on improving the overall efficiency of our service quality and delivery system. An important step that we took in early first quarter of 2012 was to undertake an acculturation exercise to provide an orientation to the existing and new work force on the continuing mission and objectives of SME Corp. Malaysia, with a special emphasis on the direction set by the SME Masterplan 2012-2020.

As a result, we continue to see the outcomes of our tireless management and team efforts. In 2012, under the auspices of SME Corp. Malaysia as a Central Coordinating Agency, 139 SME Development Programmes were implemented with an expenditure of RM7.1 billion and active participation of 433,009 SMEs. A total of 25 SME Development Programmes worth

Prestasi dan Pertumbuhan Mampan

Prestasi SME Corp. Malaysia pada tahun 2012 adalah positif dalam semua aspek melalui asas kukuh yang telah kami bina selama 3 tahun lepas termasuk rangka kerja baharu pembangunan PKS, program capaian akar umbi untuk lebih kesedaran dan pengetahuan serta pengukuhan kapasiti organisasi melalui pemerolehan bakat dan penyediaan infrastruktur. Tahun lepas, sebanyak 9,211 PKS telah menyertai program Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) yang telah mencerminkan kesanggupan dan iltizam mereka untuk mencapai tahap baru kecekapan dengan mengkaji semula dan memperbaiki aspek-aspek seperti keupayaan pengurusan dan operasi, penerapan teknologi, inisiatif pensijilan serta pelan teknikal, kewangan dan pemasaran.

Matlamat Tunggal Kami

Dalam memenuhi matlamat tunggal kami untuk menggalakkan pembangunan PKS yang berdaya saing, inovatif dan berdaya tahan melalui penyelarasaran dan penyediaan sokongan perniagaan yang berkesan, kami telah memperkuatkukan organisasi kami dengan pengambilan bakat muda yang telah membawa perspektif baru dalam mempertingkatkan keberkesanan kualiti perkhidmatan

dan sistem penyampaian kami secara menyeluruh. Satu langkah penting yang telah kami ambil pada awal suku pertama 2012 adalah menjalankan latihan akulturasi bagi memberi orientasi kepada tenaga kerja yang sedia ada dan baru akan misi dan objektif berterusan SME Corp. Malaysia, dengan penekanan khusus mengenai hala tuju yang telah ditetapkan oleh Pelan Induk PKS 2012-2020.

Ekoran daripada itu, kami terus menyaksikan hasil daripada usaha gigih pengurusan dan kakitangan / anggota kami. Sepanjang tahun 2012, di bawah sokongan SME Corp. Malaysia selaku Agensi Penyelarasaran Pusat, sebanyak 139 Program Pembangunan PKS telah dilaksanakan dengan perbelanjaan berjumlah RM7.1 bilion dan penyertaan aktif 433,009 PKS. Sebanyak 25 Program Pembangunan PKS berjumlah RM825.31 juta adalah di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Agensi agensi yang telah memanfaatkan 23,297 PKS. Daripada jumlah ini, sebanyak 13 program telah dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia dengan perbelanjaan berjumlah RM298.2 juta dan memanfaatkan sebanyak 13,190 PKS di seluruh negara.

Melangkah Ke Hadapan

Seiring dengan usaha bersama pelbagai pihak yang berkepentingan dalam pembangunan PKS bagi membolehkan pelaksanaan Pelan Induk PKS 2012-2020 secara berkesan dan lancar, kami juga akan memberi tumpuan kepada usaha mempertingkatkan kedudukan Perusahaan Mikro yang merupakan 77 peratus daripada keseluruhan PKS di Malaysia, melalui '*Breakout Strategy for Micro Enterprises*' tahun ini. Dalam kami mengorak langkah ke hadapan, kami akan sentiasa menjana idea dan peluang baru untuk membantu PKS mendapat pendedahan di peringkat antarabangsa dan menjalinkan rantaian perniagaan. Di samping itu, kami juga berusaha untuk

menggalakkan keusahawanan, pakatan merentasi sempadan dan terutamanya pertukaran pengetahuan dan pengalaman.

Penghargaan

Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, para ahli Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) dan Y.B. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di atas sokongan tidak berbelah bagi mereka kepada SME Corp. Malaysia dalam memenuhi peranannya sebagai Agensi Penyelarasan Pusat dalam pembangunan menyeluruh PKS di Malaysia. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para kakitangan kami yang telah bekerja dengan penuh komitmen dan dedikasi dan juga penghargaan ikhlas saya ke atas sumbangansumbangan berharga individu yang telah memainkan peranan penting dalam memacu prestasi positif SME Corp. Malaysia pada tahun 2012.

**Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin
Hj. Abdul Majid**
PENTERUSI

RM825.31 million were under the Ministry of International Trade and Industry (MITI) and Agencies that benefited 23,297 SMEs. From this figure, 13 programmes were implemented by SME Corp. Malaysia with an expenditure of RM298.2 million that benefited 13,190 SMEs throughout the country.

Going Forward

While efforts are on to enable seamless and effective implementation of the SME Masterplan 2012-2020 in partnership with various stakeholders, we will also be focussing to improve the standing of the 77 per cent Micro Enterprises through the ‘Breakout Strategy for Micro Enterprises’ which is scheduled to be launched in 2014. As we move along, we will also conceive new ideas and avenues for SMEs to help provide international exposure and establish business linkages. Additionally, our endeavour will be to promote entrepreneurship, cross-border alliances and above all, exchange of knowledge and experience.

Acknowledgements

I wish to take this opportunity to convey my sincerest gratitude to Y.A.B. Prime Minister of Malaysia, members of the National SME Development Council (NSDC), and Y.B. Minister of International Trade and Industry for their unwavering support to SME Corp. Malaysia, in fulfilling its role as the Central Coordinating Agency in the overall development of SMEs in Malaysia. I would also like to thank our staff for their commitment and dedication and extend my sincere appreciation for the notable individual contributions which are instrumental in driving the positive performance of SME Corp. Malaysia in 2012.

Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Hj. Abdul Majid
CHAIRMAN



“

Sedikit iltizam dan tindakan mampu mencetus permulaan kepada suatu perubahan besar. Dari tahun ke tahun, kami berusaha untuk menyatukan kelompok PKS yang berkeyakinan yang dapat menerap rasa bangga di kalangan PKS, demi membantu mereka mencapai potensi sebenar mereka untuk memangkinkan pertumbuhan baru ekonomi.

”

Tahun 2012 adalah merupakan tahun penuh dengan langkah permulaan, kejayaan kecil dan pencapaian penting ke arah anjakan besar dalam menggalakkan pertumbuhan baru sektor PKS. Saya rasa terdorong dengan peningkatan iltizam bukan sahaja di kalangan beneficiari khidmat kami tetapi juga di antara para rakan kami yang bersama berjuang ke arah kemajuan PKS. Sehubungan dengan pelancaran Pelan Induk

PKS 2012-2020 tahun lepas, timbul keperluan untuk mendapatkan kerjasama pihak berkepentingan yang boleh meraih sokongan daripada pelbagai persatuan industri, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, Kementerian-Kementerian, Agensi-Agenzi dan badan-badan tempatan serta antarabangsa ke arah pelaksanaan Pelan Induk yang berkesan. Usaha dan inisiatif kerjasama akan menetapkan laluan dan menentukan kejayaan objektif utama Pelan Induk ini.

Masanya adalah tepat bagi SME Corp. Malaysia memulakan proses mendapatkan kelulusan bagi pengstrukturkan semula Perbadanan ini dan memperkenalkan Skim Gaji Baru bagi

A small degree of commitment and action is all it takes to create a small ripple that can possibly raise a big wave of change. Year-on-year, our efforts have been to bring together a band of believers, who will instil a sense of pride among SMEs, helping them realise their true potential to catalyse new economic growth.

The year 2012 was a year of many small steps, little victories and important milestones towards that big leap to foster new growth for the SME sector. I am encouraged by the ever-increasing commitment of the beneficiaries of our services, as well as, our many partners in progress. In the backdrop of SME Masterplan 2012-2020's launch last year, surfaced the need to bring on board critical stakeholders who would help garner support from various industry associations, private sector, Non Governmental Organisations (NGOs), Ministries and Agencies, and local and international bodies towards its effective implementation. Collaborative efforts and initiatives will set the path and define the success of the core objectives of the Masterplan.

It was timely for SME Corp. Malaysia to initiate the process of securing an approval for the restructuring of the Corporation and introducing a New Salary Scheme to strengthen, elevate and empower it for driving the SME Masterplan 2012-2020, by also attracting and retaining high-potential talents for effective implementation. To help our existing and 35 per cent increased employee headcount appreciate our greater responsibility, an acculturation exercise was implemented

during the year, to instil a sense of pride among employees and inculcate our corporate values.

The Masterplan, which suggests a new approach to boost SME development in the country, advocates a 'live plan' concept, whereby all the programmes will be constantly reviewed to maintain their relevance with changing time. The new framework proposed by the Masterplan and its 5 elements namely vision, goals, focus areas, action plan and the institutional support will drive towards achieving the macro targets in terms of increasing SME contribution to GDP from 32 per cent currently to 41 per cent; employment from 59 per cent to 62 per cent and exports from 19 per cent to 25 per cent by the year 2020.

Interesting Initiatives of Impact

Our flagship initiatives such as the 1-InnoCERT Programme, aimed to recognise and certify adept enterprises venturing into high-technology and innovation-driven industries, achieved positive response from the SMEs in terms of both participation, as well as benefits derived by them. To give an indication of the success, I would like to highlight that in 2012, as many as 340 on-line applications were received with 38 SMEs successfully certified after being audited on-site by SIRIM Berhad.

memperkuatkan, mempertingkatkan dan memperkasakan organisasi agar dapat memacu Pelan Induk PKS 2012-2020, serta untuk menarik dan mengekalkan bakat berpotensi tinggi bagi pelaksanaan pelan yang berkesan. Untuk membantu anggota sedia ada termasuk 35 peratus peningkatan anggota baru menghargai tanggungjawab kami yang semakin besar, satu latihan akulturasi bagi penyerapan dan penyesuaian budaya telah diadakan tahun lepas untuk memupuk rasa bangga dan menerap nilai-nilai korporat di kalangan kakitangan.

Pelan Induk yang menggariskan pendekatan baru bagi mempertingkatkan pembangunan PKS di negara ini, menyarankan konsep ‘pelan sepanjang hayat’ di mana semua program akan sentiasa dikaji semula agar mereka kekal relevan dengan peredaran masa. Rangka kerja baru yang telah dicadangkan oleh Pelan Induk bersama 5 elemennya iaitu visi, matlamat, bidang tumpuan, pelan tindakan dan sokongan institusi, akan memacu ke arah sasaran makro, yakni peningkatan dalam sumbangan PKS kepada KDNK dari 32 peratus pada masa ini ke 41 peratus; guna tenaga dari 59 peratus ke 62 peratus dan eksport dari 19 peratus ke 25 peratus menjelang tahun 2020.

Inisiatif yang Berimpak

Inisiatif-inisiatif teras kami seperti Program 1-InnoCERT yang bertujuan untuk mengiktiraf dan memperakui perusahaan berkepakaran yang mencebur industri teknologi tinggi dan inovatif, telah mendapat sambutan positif daripada PKS dalam bentuk penyertaan dan manfaat yang diperolehi oleh mereka. Saya ingin menyerlahkan kejayaan program ini dengan melaporkan bahawa sebanyak 340 permohonan dalam talian telah diterima pada tahun 2012 di mana 38 PKS telah berjaya mendapat pensijilan setelah melalui proses audit di lokasi syarikat oleh SIRIM Berhad.

Di bawah program ini, 4 sesi fasilitasi melibatkan 10 syarikat 1-InnoCERT dan 16 institusi kewangan telah diadakan. Saya dengan rasa sukacita melaporkan bahawa sehingga ini sebanyak 8 syarikat 1-InnoCERT telah menerima kelulusan pinjaman berjumlah RM7 juta. Ini adalah satu bukti akan ‘nilai’ yang dihasilkan oleh program sebegini untuk PKS, yang juga membantu mereka mendapat manfaat daripada pelbagai peruntukan di bawah Polisi Laluan Hijau.

Sebahagian daripada program lain yang telah diperkenalkan pada tahun lepas dan amat menggalakkan untuk pembangunan PKS adalah termasuk:

- Program Kampung 1Malaysia mensasarkan penyediaan ruang perdagangan untuk PKS di kawasan luar bandar menerusi pemerolehan 300 buah kedai yang melibatkan komitmen kewangan berjumlah RM30 juta.
- Di bawah program Penyediaan Pusat Pemasaran Produk Industri Asas Tani, nilai jualan berjumlah RM31.6 juta dijangka akan dihasilkan oleh 800 usahawan menerusi satu siri pameran dan karnival jualan.

Under the programme, 4 facilitation sessions involving 10 1-InnoCERT companies and 16 financial institutions were conducted. I am happy to report that to date, 8 1-InnoCERT companies received their approval for a total credit amount of RM7 million. This is a testimony of the ‘value’ that such a programme can generate for SMEs, which also helps them to benefit from the various provisions of the Green Lane Policies.

Some of the other programmes introduced during the year under review and which are extremely promising for the SMEs include:

- *1Malaysia Village Programme which targets to provide commercial space for SMEs in the rural areas, through an acquisition of 300 shops involving a financial commitment of RM 30 million;*
- *Under the programme for Provision of Marketing Centres for Products of Agro-based Industries, a sum of RM31.6 million of sales value is expected to be generated by 800 entrepreneurs through a series of 10 exhibitions and carnivals;*
- *Implementation of PROSPER Property scheme by Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) aims to purchase retail premises at strategic locations and increase Bumiputera ownership in commercial property. A total of 25 business premises were purchased during the year with a financial commitment of RM25 million, whereby at least 85 per cent of the premises have been occupied as at 31 December 2012.*
- *The Ministry of Human Resources (MOHR) and the Manpower Department (JTM) implemented the Training cum Production (TCP) Teaching Factory programme,*

with smart collaboration between 27 companies and 135 apprentices from SMEs, for venturing into small-scale production initiatives.

- *Under the SMETAP Programme, the Ministry of Human Resources (MOHR) and Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) organised special-skill training programmes for Human Resources Development Fund (HRDF) registered SMEs. As many as 5,850 participants benefited from this programme, with a target levy utilisation of up to 70 per cent among SMEs.*
- *In collaboration with Microsoft Malaysia, special efforts were made to encourage and promote the use of Cloud Computing to enhance the productivity of SMEs.*
- *Promising financing schemes such as the Syariah-Compliant SME Financing Scheme (SSFS) and Syariah-Compliant Commercialisation Innovation Fund (CIF) were introduced to provide financial support to eligible Malaysian SMEs and Technology Companies, respectively, for their continued growth.*

- Pelaksanaan Skim Hartanah PROSPER Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) adalah bertujuan untuk membeli premis perniagaan di lokasi-lokasi strategik dan mempertingkatkan hakmilik Bumiputera dalam hartanah perdagangan. Sebanyak 25 buah premis perniagaan telah dibeli dengan komitmen kewangan berjumlah RM25 juta sepanjang tahun lepas, di mana sekurang-kurangnya 85 peratus daripada premis tersebut telah dihuni sehingga 31 Disember 2012.
 - Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah melaksanakan program *Training cum Production (TCP) Teaching Factory* dengan kerjasama pintar di antara 27 syarikat dan 135 perintis dari PKS bagi menceburi inisiatif pengeluaran berskala kecil.
 - Di bawah Program SMETAP, MOHR dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PMSB) telah menganjurkan program latihan kemahiran khas untuk PKS yang berdaftar dengan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Seramai 5,850 peserta telah menerima manfaat dari program ini dengan sasaran penggunaan levi sehingga 70 peratus di kalangan PKS.
 - Menerusi kerjasama dengan Microsoft Malaysia, usaha khusus telah dibuat bagi menggalakkan dan mempromosikan penggunaan Pengkomputeran Awan untuk mempertingkatkan produktiviti PKS.
 - Skim kewangan yang boleh menggalakkan pembangunan PKS seperti Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah (SSFS) dan Dana Pengkomersialan Inovasi Patuh Syariah (CIF) telah diperkenalkan untuk memberi sokongan kewangan kepada PKS Malaysia dan Syarikat Teknologi yang layak untuk membantu pertumbuhan mereka yang berterusan.
- Tanggungjawab Korporat**
- Sebagai sebuah badan korporat yang bertanggungjawab, kami telah menjalankan kerjasama dengan RockCorps Malaysia dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) untuk menggalakkan ‘kesukarelawan’ di kalangan generasi muda melalui penajaan PKS di mana pembabitan aktif mereka dalam memperjuangkan isu-isu sosial dan alam sekitar telah membawa impak yang baik dalam masyarakat. Objektif kami adalah untuk memupuk budaya ‘tingkah laku sosial yang bertanggungjawab’ di kalangan PKS sambil mereka giat membina perniagaan.
- Untuk menggalakkan tadbir urus yang baik dan amalan-amalan terbaik global dalam perniagaan, satu Pakatan Integriti telah dimeterai di antara SME Corp. Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kami secara berterusan menggalakkan pakatan ini di kalangan semua PKS demi mewujudkan persekitaran perniagaan yang telus dan beretika.

Intipati

Sepanjang tahun 2012, kami telah terdorong oleh berbagai inisiatif bermanfaat pada kedua-dua tahap, dasar dan pelaksanaan. Aspirasi kami yang berterusan untuk menggalakkan pembangunan mampan PKS kini semakin teguh dengan adanya pelbagai peluang baru untuk menggalakkan produktiviti dan penyertaan PKS dalam proses membina ekonomi berpendapatan tinggi yang dipacu oleh inovasi. Saya menghargai dan berterima kasih di atas setiap usaha, sekecil manapun, yang telah dilakukan oleh para anggota, rakan dan benefisiari khidmat kami yang telah menyumbang kepada prestasi keseluruhan SME Corp. Malaysia yang positif.

Dato' Hafsa Hashim

KETUA EKSEKUTIF

Corporate Citizenship

As a committed corporate citizen, in 2012, we established collaborations with RockCorps Malaysia and Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) to encourage ‘volunteerism’ among the younger generations through SME sponsorships, making a difference in the communities by their active adoption of social and environmental causes. Our objective is to help create a culture of ‘responsible social behaviour’ among SMEs while they endeavour to build their businesses.

To promote good governance and global best practices in business, an Integrity Pact was signed between SME Corp. Malaysia and Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC). We continue to promote this pact among all SMEs to enable transparent and ethical business environment.

In a Nutshell

Throughout 2012, we were inspired by many meaningful initiatives at both policy and implementation levels. Our continuing aspiration to promote sustainable development of SMEs is gaining momentum, with new opportunities to foster productivity and participation of SMEs in the process of building an innovation-led, high-income economy. I acknowledge and thank every small effort from our teams, partners and beneficiaries that added to the overall positive performance of SME Corp. Malaysia in 2012.

Dato' Hafsa Hashim

CHIEF EXECUTIVE OFFICER



RAKAN KERJASAMA KAMI MENUJU KEMAJUAN

Kami tidak bersendirian dalam usaha membina. Kami berjalan seiring bersama pelbagai pihak yang mendokong kemajuan menuju puncak kejayaan.



We are not alone in our journey of growth. There are many proponents of progress who walk with us all the way to the pinnacles of success.

**OUR PARTNERS
IN PROGRESS**



“

Dalam perjalanan kami bersama PKS, kami diperingatkan bahawa setiap langkah adalah menuju ke destinasi, setiap saat adalah menyumbang ke arah detik kejayaan, dan setiap titik peluh akan mengisi selautan peluang. Maka kami yakin akan semangat kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Kementerian dan Agensi Kerajaan, benefisiari khidmat kami, anggota, pemain dan persatuan industri, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya, di mana mereka dengan cara mereka yang tersendiri menyumbang ke arah mencapai visi dan misi organisasi kami....membantu kami memperkasakan perniagaan kecil untuk apa jua perniagaan yang mereka boleh usahakan, dengan bangga.

”



“

Along our journey with SMEs, we are reminded that every step helps cover a mile, every second adds to the winning hour, and every drop of sweat fills an ocean of opportunities. We therefore, believe in the spirit of partnership with many stakeholders to include Government Ministries and Agencies, our beneficiaries, employees, industry players and associations, and NGOs, who in their own meaningful way contribute towards achieving our organisational vision and mission....helping us power small businesses with pride for what they can really do.

”



Sektor PKS mempunyai potensi untuk menyumbang lebih 40 peratus kepada KDNK negara menjelang tahun 2020 sekiranya kita dapat bekerjasama dan memampangkan program dan objektif seperti yang digariskan di dalam Pelan Induk PKS”, **Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)**

“Ianya amat penting bagi kita untuk terus mempertingkatkan kualiti modal insan, menggalakkan keusahawanan dan memupuk budaya prestasi di kalangan PKS melalui program pementoran dan program pembangunan kapasiti yang kini diterajui oleh SME Corp. Malaysia”, **Menteri Sumber Manusia**

“Matlamat tunggal SME Corp. Malaysia adalah untuk menerap keyakinan tinggi di kalangan PKS dan para usahawan yang memacu perniagaan, untuk membantu membina perusahaan yang menguntungkan dan menjajar kedudukan perniagaan mereka di pasaran tempatan dan antarabangsa”, **Persatuan Industri**

“Setiap PKS harus mempunyai aspirasi bukan sahaja untuk berkembang dari segi saiz tetapi juga dalam sumbangan mereka kepada pembangunan sosio-ekonomi. Dengan adanya institusi yang didorongi matlamat seperti SME Corp. Malaysia, maka adalah lebih mudah untuk PKS membina kapasiti, mewujudkan kebolehpercayaan, dan membezakan produk dan perkhidmatan mereka agar lebih kompetitif di pasaran global”, **Usahawan, PKS**



*“The SME sector has the potential to contribute more than 40 per cent to the national GDP by the year 2020, if we are able to collaborate and sustain the programmes and objectives as outlined in the SME Masterplan 2012-2020”,
Ministry of International Trade and Industry (MITI)*

*“It is paramount for us to continually enhance the quality of human capital, promote entrepreneurship and encourage a culture of performance among SMEs through mentoring and capacity building programmes, currently spearheaded by SME Corp. Malaysia”, **Ministry of Human Resources***

“The singular purpose of SME Corp. Malaysia is to instil a high-level of confidence among SMEs and entrepreneurs driving those businesses, to help build profitable enterprises and

*position themselves with pride in the local and international marketplace”,
Industry Association*

*“Every SME must have an aspiration to not only grow in size, but also in their contribution to the socio-economic development. With purpose-driven institutions such as SME Corp. Malaysia, it is easier to build capacity, establish credibility and differentiate our products and services in the global markets”, **Entrepreneur, SME***



MASA HADAPAN ANDA BERSAMA KAMI

Setiap langkah yang kami ambil hari ini akan menentukan hala tuju dan masa hadapan perniagaan anda.



Every step that we take today will determine the direction and future of your businesses.

***YOUR FUTURE
WITH US***



“

Pelan Induk PKS 2012-2020 diibaratkan seperti kompas yang memberi panduan sepanjang perjalanan kita, dalam usaha untuk memupuk dan membawa PKS yang progresif ke arah menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan negara. Masa depan kita bergantung kepada cara dan keadaan semasa PKS menggunakan sumber sedia ada dan memperlengkapi diri mereka bagi mengorak langkah demi langkah, dan seterusnya melonjak ke arah daya saing global.

”

Pelan Induk PKS yang dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia pada 12 Julai 2012 bertindak sebagai '*game changer*' dalam mempercepatkan pertumbuhan PKS bagi membantu Malaysia beralih kepada sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 selaras dengan Model Baru Ekonomi. Ia menggariskan hala tuju dasar dengan visi menyeluruh untuk mewujudkan golongan baru PKS yang berdaya saing di peringkat global.

Tumpuan Pelan Induk PKS ini adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan PKS menerusi peningkatan produktiviti dan inovasi. Pelan ini mensasarkan peningkatan dalam sumbangan PKS kepada ekonomi menjelang tahun 2020 iaitu Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada 32% pada masa ini kepada 41%; guna tenaga daripada 59% kepada 62%; dan eksport daripada 19% kepada 25%.



Sejumlah RM30 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Pelan Induk ini pada tahun 2013. SME Corp. Malaysia kini bekerjasama dengan Kementerian dan Agensi peneraju dalam melaksanakan Pelan Induk PKS.

Pelan Induk PKS 2012-2020 ini diibaratkan seperti kompas yang memberi panduan sepanjang perjalanan kita, dalam usaha melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Tindakan berdasarkan garis panduan-garis panduan yang telah ditetapkan bagi memupuk PKS yang progresif. Prinsip panduan ini menyarankan satu pendekatan yang konsisten dengan hala tuju strategik negara, menangani kegagalan pasaran dan asimetri maklumat, memangkinkan



The SME Masterplan launched by Y.A.B. Prime Minister of Malaysia on 12 July 2012 is the 'game changer' to accelerate the growth of SMEs to help Malaysia transition into a high income nation by the year 2020 in line with the New Economic Model. It defines the policy direction of SMEs with the overall vision of creating a new breed of SMEs that are globally competitive.

The focus of the Masterplan is to accelerate the growth of SMEs through productivity gains and innovation. The Plan targets to raise the contribution of SMEs to the economy by 2020 with the share to Gross Domestic Product (GDP) increasing from 32% currently to 41%, while the share to employment to increase from 59% to 62%, and exports from 19% to 25%.

A total of RM30 million has been allocated for implementation of the Masterplan in 2013. SME Corp. Malaysia is currently working together with the lead Ministries and Agencies in rolling out the SME Masterplan.

The SME Masterplan 2012-2020 is like a compass that will guide us along our journey, in our effort to implement the initiatives under the Action Plan based on a set of guiding principles,

The SME Masterplan 2012-2020 is like a compass that will guide us along our journey, while we persevere to nurture and bring together a large confluence of progressive SMEs, who will contribute to wealth creation and social well-being of the nation. Our future lies in the present manner in which the SMEs embrace the available resources, and equip themselves to take small steps, and then, a quantum leap towards global competitiveness.

pembangunan pembekal perkhidmatan swasta, mengelakkan penggantian dana swasta dengan dana kerajaan, memastikan penglibatan sektor swasta, menjana hasil yang boleh diukur, memaksimumkan penggunaan dana bagi mencapai impak yang tertinggi dan menggariskan kebertanggungjawaban yang jelas.

Masa depan kita bergantung kepada cara dan keadaan semasa PKS menggunakan sumber yang disediakan, dan memperlengkapi diri mereka bagi mengorak langkah demi langkah, dan seterusnya secara beransur melonjak ke arah daya saing global. Pada tahun-tahun yang mendatang, SME Corp. Malaysia akan mengenal pasti peluang dan platform global bagi memudahkan PKS dan usahawan Malaysia menjalin rangkaian yang efisyen dengan rakan perniagaan dari negara asing.


Di SME Corp. Malaysia, keutamaan kami adalah untuk merancang rangka kerja dan mekanisme yang akan membina kapasiti PKS bagi pertumbuhan yang didorong oleh inovasi dan produktiviti. Ke arah tujuan ini, kami menggalakkan PKS untuk meneroka pasaran antarabangsa dengan menggunakan model perniagaan yang teguh, produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi, etika profesional terbaik, dan semestinya, pelan pertumbuhan yang



hebat. Dalam bergerak ke hadapan, ianya adalah penting bagi kami untuk mengadakan dan menggalakkan PKS menyertai forum serta persidangan yang membolehkan pertukaran pengetahuan dan kepakaran, rantaian dan kerjasama perniagaan, tadbir urus dan amalan industri terbaik global.

PKS perlu mencari peluang untuk berinteraksi dan belajar dari model perniagaan yang berjaya dan kajian kes dari pasaran baru serta negara ekonomi membangun yang lain. Dengan cara ini, mereka akan dapat memperluaskan perspektif mereka dan mendorong mereka untuk mencetus idea baru dan penyelesaian pragmatik bagi memacu perniagaan mereka ke tahap yang yang lebih tinggi. Kami menyeru semua PKS untuk bertindak dengan penuh kesedaran dan mempertingkatkan penyertaan dalam program-program kami, yang bukan sahaja dapat memperkasakan mereka, malah juga dapat meletakkan mereka di laluan segera menuju kejayaan.

Lebih kurang 20 taklimat dan perbincangan dengan PKS, komuniti perniagaan, serta lain-lain pihak yang berkepentingan di dalam dan luar Malaysia, telah diadakan pada tahun 2012 bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan Pelan Induk PKS.



to nurture a confluence of progressive SMEs. These principles suggest an approach that is consistent with the national strategic direction, addresses market failures and information asymmetry, catalyses development of private service providers, avoids substituting private funds with public funds, ensures private sector involvement, produces results that are measurable, deploys funds with highest impact and defines clear accountability.

Our future lies in the present manner in which the SMEs embrace the available resources, and equip themselves to take small steps, and then gradually, a quantum leap towards global competitiveness. In the years to come, SME Corp. Malaysia will identify opportunities and global platforms to facilitate efficient networking for Malaysian SMEs and entrepreneurs with foreign business partners.

At SME Corp. Malaysia, our priority is to devise frameworks and mechanisms that will build SMEs capacity for innovation-led and productivity-driven growth. Towards this, we will encourage SMEs to also venture into international markets

with robust business models, high-quality products and services, best of professional ethics, and of course, ambitious growth plans. What is also crucial going forward is to provide and participate in forums, which will enable exchange of knowledge and expertise, business linkages and partnerships, governance and global best practices.

SMEs must find opportunities to interact and learn from successful business models and case studies from other emerging markets and developed economies. This will allow them to broaden their perspectives and gain impetus for new ideas and pragmatic solutions to drive their businesses to new heights. We call upon all SMEs to take conscious effort and increase their participation in our programmes, which will not only empower them but will set them on a fast track to success.

Approximately 20 briefings and discussions with SMEs, business communities, as well as, other stakeholders throughout Malaysia and beyond, had been carried out in 2012 for the purpose of increasing awareness on the importance of the SME Masterplan.



MAKLUMAT KORPORAT

Kami bangga dengan niat tekad Perbadanan ini, yang diterajui oleh kepemimpinan berwawasan, dengan penyertaan gigih PKS dan diperkuuhkan oleh kakitangan yang didorong oleh prestasi.



We take pride in the purposeful intent of our, which is led by visionary leadership, with strong participation of SMEs and fuelled by performance-driven employees.

**CORPORATE
INFORMATION**



“

PERANAN KAMI

Sebagai sebuah organisasi yang bermatlamat, peranan SME Corp. Malaysia adalah menyeluruh dalam tujuan dan objektifnya, bukan sahaja untuk memperluaskan agenda pertumbuhan PKS di negara ini malah juga untuk menyokong visi kita untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, berasaskan pengetahuan dan berdaya saing di peringkat global. Perkembangan pesat PKS dan usaha giat kami dalam memperkasakan mereka ke arah matlamat ini akan menjadikan perjalanan kami relevan untuk bertahun akan datang.

”

“

OUR ROLE

As a purpose-driven organisation, the role of SME Corp. Malaysia is holistic in its intent and objectives, to not only further the agenda of SMEs' growth in the country but also to support our vision to emerge as a high-income, knowledge-based and globally competitive nation. The proliferation of SMEs and our endeavour to empower them towards this goal will keep our journey relevant for years to come.

”

SME Corp. Malaysia is a Central Coordinating Agency that formulates overall policies and strategies for SMEs and coordinates the implementation of SME Development Programmes across all related Ministries and Agencies. It acts as the central point of reference for research and data dissemination on SMEs, as well as, provides advisory services for SMEs in Malaysia. SME Corp. Malaysia also assumes the role of the Secretariat to the National SME Development Council (NSDC) which is chaired by Y.A.B. Prime Minister of Malaysia.



SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.

Pembentukan SME Corp. Malaysia bermula pada 2 Mei 1996, apabila sebuah agensi khusus telah ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

untuk menggalakkan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan menyediakan kemudahan infrastruktur, bantuan kewangan, khidmat nasihat, akses ke pasaran serta program-program sokongan yang lain. Dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), matlamatnya adalah untuk membangunkan PKS Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan untuk bersaing di pasaran global.

In support of the Government's vision to leverage e-commerce platforms and encourage young entrepreneurship, SME Corp. Malaysia in collaboration with Multimedia Development Corporation (MDeC) organised 4 workshops designed to equip 247 SMEs with best practices for online business process management. The intent behind this collaborative initiative was to help familiarise the SMEs with online Business-to-Business (B2B) and Business-to-Customer (B2C) environment and the immense opportunities that can be availed. These workshops also helped to establish the importance of product visibility for business success.

To further increase the adoption of electronic transactions among SMEs, SME Corp. Malaysia in collaboration with Malaysia Development Corporation (MDeC) has introduced the Enabling e-Payment Services for SMEs and Micro Enterprises Programme - a Digital Malaysia initiative aimed at accelerating the adoption of e-Payment system among SMEs and Micro Enterprises. Through this initiative, SMEs and Micro Enterprises will be equipped with affordable e-Payment solution with Point-of-Sale (POS) system through Third Party Acquirer (TPA). As at December 2012, a total of

4 TPAs have been appointed to provide the solution and 29,419 SMEs and Micro Enterprises have been enabled with the e-Payment system.

- **COLLABORATION WITH HYPERMARKETS**

To enable greater market access and achieve some level of understanding on the prerequisites for local, regional and global competitiveness, SME Corp. Malaysia continued in its efforts to collaborate with reputable Hypermarket / distribution centres to educate and empower the SMEs:

- *Session with Tesco South Korea was held on 10 December 2012 at Hotel Le Meridien in Kuala Lumpur with participation from 53 SMEs.*
- *Session with Malaysian Brand Outlet (MBO), Singapore on 3 December 2012 at SME Corp. Malaysia in Kuala Lumpur with a total participation of 14 SMEs.*

These sessions presented an opportunity for the SMEs to display their products, engage in meaningful exchange of information, and tap into opportunities in the regional markets as high potential suppliers.

Bagi mempertingkatkan lagi penggunaan transaksi secara elektronik di kalangan PKS, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama MDeC telah memperkenalkan Program *Enabling e-Payment Services for SMEs and Micro Enterprises* – sebuah inisiatif Digital Malaysia yang bertujuan untuk merangsang penggunaan e-Bayaran di kalangan PKS dan Perusahaan Mikro. Melalui inisiatif ini, PKS dan Perusahaan Mikro akan diperlengkap dengan sistem penyelesaian e-Bayaran yang mampu bayar dengan sistem *Point-of-Sale* (POS) melalui *Third Party Acquirer* (TPA). Sehingga Disember 2012, 4 TPA telah dilantik untuk menyediakan penyelesaian e-Bayaran tersebut dan 29,419 PKS dan Perusahaan Mikro telah dilengkапkan dengan sistem e-Bayaran.

- KERJASAMA DENGAN PASAR RAYA BESAR**

Bagi membolehkan akses yang lebih baik ke pasaran dan mencapai tahap pemahaman yang mencukupi

mengenai prasyarat untuk berdaya saing di peringkat tempatan, serantau dan global, SME Corp. Malaysia meneruskan usaha untuk bekerjasama dengan beberapa jenama Pasar Raya Besar / pusat pengedaran yang terkenal bagi membimbing dan memperkasakan PKS:

- Sesi bersama Tesco Korea Selatan telah diadakan pada 10 Disember 2012 di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur dengan penyertaan dari 53 PKS.
- Sesi bersama Malaysian Brand Outlet (MBO), Singapura telah diadakan pada 3 Disember 2012 di SME Corp. Malaysia, Kuala Lumpur yang disertai oleh 14 PKS.

Sesi-sesi ini memberi peluang kepada PKS yang terlibat untuk mempamerkan produk mereka, bertukar maklumat yang bermanfaat, serta meraih peluang dalam pasaran serantau sebagai pembekal yang berpotensi tinggi.

2. PROGRAM PEMBANGUNAN JENAMA PKS

- NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND**

SME Corp. Malaysia bersama rakan usahasamanya, SIRIM QAS International Sdn. Bhd., telah membangunkan skim pensijilan *National Mark of Malaysian Brand* – satu pengiktirafan ke atas produk dan perkhidmatan Malaysia yang mempunyai Kualiti, Kecemerlangan dan Keunggulan yang tertinggi. Objektif utama skim pensijilan ini adalah untuk mengubah persepsi negatif bahawa kualiti, kebolehpercayaan dan piawaian pembungkusan produk PKS adalah lebih rendah berbanding dengan jenama-jenama besar. Sejak dilancarkan pada 2 Mac 2009 sehingga Disember 2012, SIRIM QAS telah menerima 99 permohonan, di mana daripada jumlah itu, sebanyak 59 syarikat telah menerima pensijilan *National Mark of Malaysian Brand*. Baki Permohonan masih dalam proses penilaian dan audit.





2. SME BRAND DEVELOPMENT PROGRAMMES

• NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND

SME Corp. Malaysia with its partner, SIRIM QAS International Sdn. Bhd., developed the certification scheme National Mark of Malaysian Brand – a recognition to Malaysian products and services of the highest Quality, Excellence and Distinction. The primary objective is to change the negative perception that SME products are inferior in quality, reliability and packaging standards when compared with big brand names. Since its inception on 2 March 2009 until December 2012, SIRIM QAS had received 99 applications, out of which, 59 companies had received the National Mark of Malaysian Brand certification. The balance of the applications were still in the process of review and audit.

The recipients of the National Mark of Malaysian Brand certification have been able to explore better business opportunities and position themselves with confidence and credibility in markets beyond Malaysia.

Some of the recipients expressed their views:

• Seasonings Specialities Sdn. Bhd. – “We are working with a company from Bangladesh, who first saw the National Mark of Malaysian Brand logo and brand on our business cards and sample packaging labels, and got curious. When we explained the meaning of the logo, it instilled greater trust in our client on the quality of our products and services, and they became keen to explore new product development opportunities with us. With the National Mark of Malaysian Brand, we can now further build our reputation as a reliable and reputable seasoning manufacturer from Malaysia.”



Para penerima pensijilan *National Mark of Malaysian Brand* telah berjaya meneroka peluang-peluang perniagaan yang lebih baik dan meletakkan kedudukan perniagaan mereka dengan keyakinan dan kredibiliti ke pasaran luar Malaysia.

Beberapa penerima pensijilan telah menyatakan pandangan mereka:

- **Seasonings Specialities Sdn. Bhd.** – “Kami sedang bekerjasama dengan sebuah syarikat dari Bangladesh, yang telah melihat logo jenama *National Mark of Malaysian Brand* pada kad perniagaan serta sampel label pembungkusan kami buat pertama kali, dan telah timbul hasrat mereka untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai logo tersebut. Setelah kami menjelaskan makna logo tersebut, ia telah

berjaya menerapkan keyakinan yang lebih tinggi kepada pelanggan kami terhadap kualiti produk dan perkhidmatan kami, dan mereka telah turut berminat untuk meneroka peluang pembangunan produk baru bersama kami. Dengan *National Mark of Malaysian Brand*, kami kini boleh melebarkan reputasi kami sebagai pengeluar bahan perasa yang dipercayai dan terkenal dari Malaysia.”

- **New Technics Car Audio Sdn. Bhd.** – “*National Mark of Malaysian Brand* telah memberi kesan positif kepada reputasi serta hasil usaha perniagaan kami. Sebagai sebuah jenama Malaysia yang dipercayai, majalah penerbangan Malaysia Airlines (MAS), baru-baru ini, telah membuat sorotan mengenai perniagaan kami, di mana ianya telah berjaya mempertingkatkan kesedaran tentang perniagaan dan produk kami di kalangan para pengedar baru. Kami amat gembira dengan ‘nilai’ yang telah diwujudkan oleh pensijilan *National Mark of Malaysian Brand*.”
- **Wysen Industry Sdn. Bhd.** – “Pengguna lebih cenderung untuk menerima dan mempercayai produk kami dengan adanya pensijilan *National Mark of Malaysian Brand*. Kami turut menerima minat yang

- **New Technics Car Audio Sdn. Bhd.** – “The National Mark of Malaysian Brand has positively impacted our reputation, as well as, business outcomes. As a trusted Malaysian brand, we were recently featured in the Malaysia Airlines (MAS) in-flight magazine, owing to which increasing numbers of new dealers are getting aware about our company and our products. We are extremely pleased with the ‘value’ created by the National Mark of Malaysian Brand.”
- **Wysen Industry Sdn. Bhd.** – “Consumers are keener to accept and trust our products with the National Mark of Malaysian Brand. We are also receiving notable interest from the international markets. SME Corp. Malaysia has provided us great support through specialised meetings and seminars, which has helped our workforce to be more accustomed with the prerequisites for acquiring the National Mark of Malaysian Brand to improve our market access.”
- **Coffeeland Sdn. Bhd.** – “With the National Mark of Malaysian Brand certification, Coffeeland believes in the potential to successfully garner both the interest and confidence of overseas distributors. By explaining to prospective distributors about the National Mark of Malaysian Brand and its criteria in getting this certification – through a selection process, high standard audit processes for 7 different assessment criteria, and the scoring system – we are able to build high levels of confidence towards Coffeeland. We recently had a successful deal with our new distributor in Indonesia.”

• **WORKSHOPS ON BRAND MANUALS**

In 2012, 3 workshops providing SMEs with an orientation on the guidelines and principles of developing a Brand Manual were organised at Royale Bintang Hotel, Holiday Villa Subang Hotel and MECC, Menara MATRADE with a total of 117 participants. The main objective was to help the companies qualify for the National Mark of Malaysian Brand Certification Scheme.

• **BRANDING AND PACKAGING MOBILE GALLERY**

The Branding and Packaging Mobile Gallery was established with the objective of reaching out especially to rural SMEs across the country to increase their awareness on the



memberangsangkan daripada pasaran antarabangsa. SME Corp. Malaysia telah memberi kami sokongan padu melalui perjumpaan dan seminar khusus, yang mana telah membantu tenaga kerja kami memahami prasyarat bagi memperolehi pensijilan *National Mark of Malaysian Brand* untuk mempertingkatkan akses ke pasaran.”

- Coffeeland Sdn. Bhd.** - “Dengan pensijilan *National Mark of Malaysian Brand*, Coffeeland mempercayai akan potensi kami untuk meraih minat dan keyakinan para pengedar luar negara dengan jayanya. Dengan menjelaskan kepada bakal pengedar mengenai pensijilan *National Mark of Malaysian Brand* dan kriterianya dalam mendapatkan pensijilan – melalui proses pemilihan, proses audit berpiawaian tinggi berdasarkan 7 kriteria penilaian yang berbeza, dan juga melalui sistem penarafan – kami telah mampu membina tahap keyakinan yang tinggi terhadap Coffeeland. Kami telah berjaya memeterai perjanjian dengan pengedar baru kami di Indonesia baru-baru ini.”

• BENGKEL MANUAL JENAMA

Pada tahun 2012, sebanyak 3 bengkel yang memberi pendedahan kepada PKS berkenaan garis panduan dan prinsip bagi membentuk Manual Jenama telah diadakan di Hotel Royale Bintang, Hotel Holiday Villa Subang dan MECC, Menara MATRADE dengan penyertaan seramai 117 peserta. Objektif utama bengkel tersebut adalah untuk membantu syarikat agar layak menyertai Skim Pensijilan *National Mark of Malaysian Brand*.

• GALERI PEMBUNGKUSAN DAN PENJENAMAAN BERGERAK

Galeri Pembungkusan dan Penjenamaan Bergerak telah diwujudkan dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran di kalangan PKS terutamanya di kawasan luar bandar seluruh negara mengenai kepentingan pembungkusan dan penjenamaan. Ianya juga bertujuan untuk menyediakan latihan berkaitan pembungkusan dan penjenamaan kepada mereka. Pada tahun 2011, 15 lawatan telah dilaksanakan dengan penyertaan 1,748 peserta yang telah mendapat manfaat daripada galeri bergerak tersebut. Pada tahun 2012, 26 lawatan telah dianjur yang memberi manfaat kepada 4,536 peserta.





importance of branding and packaging, as well as, to provide them with training on branding and packaging. In 2011, 15 trips had been implemented with a total of 1,748 participants who benefited from the mobile gallery. In 2012, 26 trips were organised which had benefited a total of 4,536 participants.

In 2012, the Branding and Packaging Mobile Gallery was created from a 40-footer ‘wing glider’, which had been refurbished and fitted out with an interactive, user-friendly and innovative display of packaging samples and materials. The ‘Brand Transformer’, aimed at improving the branding and packaging of products produced by SMEs in the rural areas, was launched by HRH Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah during the Malaysian Brand Forum 2012 at Palace of the Golden Horses.

The ‘Brand Transformer’ programme which is a public-private sector collaboration between SME Corp. Malaysia, Kontena Nasional Berhad, SIRIM, DDEC, Limkokwing University of Creative Technology (LUCT), Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) and Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) - serves as the ‘vehicle’ to demonstrate the benefits of using appropriate and attractive packaging, technology and materials to SMEs particularly in the rural areas. The ‘Brand Transformer’ will be travelling all over Peninsular Malaysia, and it is estimated that 25 sessions will be organised in a year. This is indeed a people-friendly programme implemented by the Government through MITI

and its Agency, SME Corp. Malaysia. Relevant Agencies such as Kontena Nasional Berhad, SIRIM, DDEC, LUCT, MyIPO and FMM will be invited as contributors and speakers. Apart from presentations by each Agency on various development programmes offered to SMEs, help desks will also be provided by the Agencies involved to ensure that SMEs are able to get the one-to-one opportunity to discuss and take action on improving their businesses. Together with the ‘Brand Transformer’ and ‘Branding Pack & Go’ - a convenient branding gallery pack catered for deployment in Sabah and Sarawak, 3 different workshop modules will be chosen depending on the requirements of each area, which include Branding and Packaging Workshop; On-Line Business Workshop & Branding and Packaging Workshop; and Halal Certification Seminar & Branding and Packaging Workshop.

The establishment of the ‘Brand Transformer’ is very much in line with the Government’s SME Masterplan

Pada tahun 2012, Galeri Pembungkusan dan Penjenamaan Bergerak telah dibentuk daripada kontena ‘wing glider’ berukuran 40 kaki panjang, yang telah diubahsuai dan memperkenalkan sampel dan bahan pembungkusan yang interaktif, inovatif dan mesra pengguna. ‘*Brand Transformer*’, yang bertujuan mempertingkatkan kualiti pembungkusan dan penjenamaan produk yang dihasilkan oleh PKS di kawasan luar bandar, telah dilancarkan oleh DYTMM Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah sempena Malaysian Brand Forum 2012 yang telah diadakan di *Palace of the Golden Horses*.

Program ‘*Brand Transformer*’ ini yang merupakan kerjasama sektor awam dan swasta di antara SME Corp. Malaysia, Kontena Nasional Berhad, SIRIM, Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC), Limkokwing University of Creative Technology (LUCT), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) - berfungsi sebagai ‘kenderaan’ untuk menonjolkan kepentingan pembungkusan, teknologi dan bahan yang sesuai serta menarik kepada PKS terutama di kawasan luar bandar. ‘*Brand Transformer*’ ini akan mengadakan lawatan di seluruh Semenanjung Malaysia, dan dianggarkan sebanyak 25 sesi akan dianjur dalam jangkamasa



setahun. Ini jelas merupakan satu program mesra rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui MITI dan Agensi, SME Corp. Malaysia. Agensi-agensi yang berkaitan seperti Kontena Nasional Berhad, SIRIM, DDEC, LUCT, MyIPO dan FMM akan dijemput sebagai penyumbang dan penceramah. Selain daripada penerangan oleh setiap Agensi mengenai pelbagai program pembangunan yang ditawarkan kepada PKS, kaunter bantuan juga disediakan oleh Agensi-agensi yang terlibat bagi memastikan PKS mendapat peluang *one to one* untuk berbincang dan mendapatkan maklumat bagi mempertingkatkan perniagaan mereka. Seiring dengan ‘*Brand Transformer*’ dan ‘*Branding Pack & Go*’ iaitu Galeri Pembungkusan dan Penjenamaan berkonsep ‘bungkus dan bawa’ khusus untuk kegunaan di Sabah dan Sarawak, 3 modul bengkel yang berbeza akan dianjurkan bergantung kepada keperluan setiap kawasan, termasuk Bengkel Pembungkusan dan Penjenamaan; Bengkel Perniagaan Dalam Talian & Bengkel Pembungkusan dan Penjenamaan; serta Seminar Pensijilan Halal & Bengkel Pembungkusan dan Penjenamaan.

Penubuhan ‘*Brand Transformer*’ ini adalah amat sejajar dengan Pelan Induk PKS 2012-2020 Kerajaan, untuk menganjak pembangunan PKS ke tahap lebih tinggi melalui peningkatan produktiviti, inovasi dan pertumbuhan. Program ‘*Brand Transformer*’ ini memenuhi satu daripada



2012-2020, to push SMEs to greater heights through greater productivity, innovation and growth. The 'Brand Transformer' fulfills one of the 6 High Impact Programmes - HIP 6 - which is based on 'Inclusive Innovation' to promote transformation of communities including Micro Enterprises in the rural areas.

3. TECHNOLOGY DEVELOPMENT PROGRAMMES

- **INNOVATION CERTIFICATION FOR ENTERPRISE RATING AND TRANSFORMATION (1-InnoCERT) PROGRAMME**

The programme aims to recognise and certify innovative SMEs, as well as, encourage entrepreneurs to venture into high technology and innovation-driven industries. In 2012, from a total of 340 on-line applications received, 38 SMEs were successfully certified after an on-site audit by

SIRIM Berhad. Under this programme, the 1-InnoCERT SMEs become automatically eligible to participate in the annual SME Innovation Award. These SMEs will also be able to benefit from the Green Lane Policy and its provisions as follows:

- Financing facility in the form of 2 per cent interest rate rebate a year subject to a maximum amount of RM200,000 per year, for participating banks which include SME Bank, Bank Pembangunan Malaysia, Exim Bank, Malaysian Industrial Development Finance (MIDF), Agro Bank and Malaysia Debt Ventures (MDV);
- Tax deduction for expenses incurred in obtaining the 1-InnoCERT certification;
- Priority to participate in Government procurement; and
- Priority to participate in Minister of Finance Incorporated Companies (MKD) procurement programme.



6 Program Berimpak Tinggi - HIP 6 - yang berdasarkan ‘Inovasi Inklusif’ bertujuan menggalakkan transformasi komuniti termasuk Perusahaan Mikro di kawasan luar bandar.

3. PROGRAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI

- **PROGRAM INNOVATION CERTIFICATION FOR ENTERPRISE RATING AND TRANSFORMATION (1-InnoCERT)**

Program ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan pensijilan kepada PKS berinovatif serta menggalakkan usahawan untuk menceburi industri yang dipacu oleh teknologi tinggi dan inovasi. Pada tahun 2012, daripada 340 permohonan dalam talian yang telah diterima, sebanyak 38 PKS telah

berjaya mendapat pensijilan setelah pengauditan di lokasi syarikat oleh SIRIM Berhad. Di bawah program ini, PKS yang mendapat pensijilan 1-InnoCERT secara automatik layak untuk menyertai Anugerah Inovasi PKS yang diadakan secara tahunan. PKS berkenaan akan turut mendapat manfaat daripada Polisi Laluan Hijau yang memberi peruntukan berikut:

- Kemudahan pembiayaan dalam bentuk rebat kadar faedah tahunan 2 peratus tertakluk kepada jumlah maksimum RM200,000 setahun, untuk bank-bank terbabit termasuk SME Bank, Bank Pembangunan Malaysia, Exim Bank, Malaysian Industrial Development Finance (MIDF), Agro Bank dan Malaysia Debt Ventures (MDV);
- Potongan cukai bagi perbelanjaan yang dikeluarkan untuk mendapatkan pensijilan 1-InnoCERT;
- Keutamaan untuk mengambil bahagian dalam perolehan Kerajaan; dan
- Keutamaan untuk mengambil bahagian dalam program perolehan Syarikat-syarikat Menteri Kewangan yang Diperbadankan (MKD).

In 2012, 8 1-InnoCERT companies successfully received the financing facility incentives under the Green Lane Policy amounting to RM179.4 million.

To further accelerate the development of high performance SMEs under the 1-InnoCERT Programme, in 2012, SME Corp. Malaysia in collaboration with Bank Negara Malaysia (BNM) and the Association of Banks Malaysia (ABM) facilitated 4 sessions with 10 1-InnoCERT companies to address various issues concerning financial support offered by financial institutions. To date, the total amount of approved credit facilities for 1-InnoCERT companies from commercial banks is RM7 million.


- **'GREEN' LIGHT-EMITTING DIODE (LED) / SOLID-STATE LIGHTING (SSL) PROGRAMME**

To help Malaysia remain in the forefront of the LED / SSL industry, the Government appointed SME Corp. Malaysia with the role as the Lead Agency to implement the Entry Point Project (EPP) 10 Programme, Electrical and



Electronics (E&E), under the National Key Economic Area (NKEA) called the 'Green' LED / SSL Programme. The programme aims to grow local LED / SSL companies into global champions by enhancing their capabilities through advisory and the provision of support in terms of partial grant for increasing automation, as well as, for acquiring international certifications.

To date, 6 companies have qualified for this programme. SME Corp. Malaysia met its key performance indicator (KPI) for 2012, which was to enable at least one local SSL company to penetrate the international market. EcoTech LED Sdn. Bhd. was identified as a potential champion to penetrate regional markets. The company has already penetrated the Japanese market after obtaining the PSE ('Product Safety of Electrical Appliances and Materials') Certification that was reimbursed under the Programme.



Pada tahun 2012, 8 syarikat 1-InnoCERT telah berjaya menerima insentif kemudahan pembiayaan di bawah Polisi Laluan Hijau berjumlah RM179.4 juta.

Untuk merangsangkan lagi pembangunan PKS yang berprestasi tinggi di bawah Program 1-InnoCERT, pada tahun 2012, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan Persatuan Bank-bank Malaysia (ABM) telah mengadakan 4 sesi dengan 10 syarikat 1-InnoCERT bagi mencari penyelesaian kepada pelbagai isu berkaitan bantuan kewangan yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Sehingga akhir 2012, jumlah kemudahan kredit yang telah diluluskan untuk syarikat-syarikat 1-InnoCERT oleh bank perdagangan adalah sebanyak RM7 juta.

- **PROGRAM LIGHT-EMITTING DIODE (LED) / SOLID-STATE LIGHTING (SSL) ‘HIJAU’**

Untuk membantu Malaysia kekal di baris hadapan dalam industri LED / SSL, Kerajaan telah melantik SME Corp. Malaysia dengan peranan sebagai Agensi Peneraju bagi melaksanakan Program Projek Permulaan (EPP) 10, Elektrik & Elektronik (E&E), di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang dipanggil Program LED / SSL ‘Hijau’. Program ini bertujuan



untuk membangunkan syarikat LED / SSL tempatan menjadi syarikat terkemuka di peringkat antarabangsa dengan mempertingkatkan keupayaan mereka melalui khidmat nasihat dan sokongan dalam bentuk separa geran untuk mempertingkatkan automasi serta memperolehi pensijilan antarabangsa.

Sehingga kini, 6 syarikat telah layak menyertai program ini. SME Corp. Malaysia telah mencapai Indeks Prestasi Utamanya (KPI) bagi 2012, iaitu membantu sekurang-kurangnya sebuah syarikat SSL tempatan untuk menembusi pasaran antarabangsa. EcoTech LED Sdn. Bhd. telah dikenal pasti sebagai syarikat berpotensi tinggi untuk menembusi pasaran serantau. Syarikat tersebut telah menembusi pasaran Jepun setelah memperolehi Pensijilan PSE ('Keselamatan Produk bagi Peralatan dan Bahan Elektrik') yang telah dibayar balik di bawah program ini.

- **HALA TUJU TEKNOLOGI**

Berbagai kajian hala tuju teknologi dilaksanakan oleh pelbagai Agensi Kerajaan untuk mengenal pasti jurang dalam maklumat teknologi. Hasil pelbagai kajian tersebut memberi pemahaman yang mendalam mengenai teknologi-teknologi terbaik dan paling sesuai (Technology Mapping) yang berpotensi untuk menyokong objektif pertumbuhan pelbagai sub-sektor industri. Sehingga Disember 2012, Ceramah Teknologi berkaitan industri-industri berikut telah dianjurkan untuk PKS:

- **TECHNOLOGY ROADMAP**

Numerous technology roadmap studies are being undertaken by various Government Agencies to identify gaps in technology information. The findings of such studies provide rich insights on the best and most appropriate technologies (Technology Mapping), which can potentially support the growth objectives of various sub-sectors of the industry. As at December 2012, Technology Talks on the following industries had been organised for SMEs:

- Food and Packaging (Perak);
- Electrical and Electronics Opportunities (Penang);
- Technology in Halal Packaging (Terengganu); and
- Technology Insight (Kuala Lumpur).

A total of 4 seminars were conducted in 4 states (Perak, Penang, Terengganu and Kuala Lumpur) to disseminate information and empower SMEs with knowledge on the technology roadmap. A total of 300 participants, who benefited from the seminars, had submitted positive feedback about the programme.

4. CAPACITY BUILDING PROGRAMMES

- **BUSINESS ACCELERATOR PROGRAMME (BAP) AND ENRICHMENT & ENHANCEMENT PROGRAMME (E²)**

BAP dan E² are initiatives that support SMEs and Micro Enterprises in developing and accelerating their businesses using an integrated approach through the following 4 components:

- Assessment on the company to identify business performance and requirements;
- Capacity building which encompasses skills enhancement such as entrepreneurship training, awareness of branding and certification;

- Business advisory services by SME Business Counsellors and SME Expert Advisory Panel (SEAP); and
- Advisory services for access to financing by various financial institutions.



- Makanan dan Pembungkusan (Perak);
- Peluang dalam Industri Elektrik dan Elektronik (Pulau Pinang);
- Teknologi dalam Pembungkusan Halal (Terengganu); dan
- Pemahaman Teknologi (Kuala Lumpur).

Sebanyak 4 seminar telah diadakan di 4 negeri (Perak, Pulau Pinang, Terengganu dan Selangor) untuk menyebarkan maklumat dan meningkatkan pengetahuan PKS mengenai hala tuju teknologi ini. Seramai 300 peserta, yang mendapat manfaat daripada seminar tersebut telah memberi maklum balas positif mengenai program ini.

4. PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI

- **BUSINESS ACCELERATOR PROGRAMME (BAP) AND ENRICHMENT & ENHANCEMENT PROGRAMME (E²)**

BAP dan E² adalah inisiatif yang menyokong PKS dan Perusahaan Mikro dalam membangun dan meningkatkan perniagaan mereka dengan menggunakan pendekatan bersepudu melalui 4 komponen berikut:



- Penilaian ke atas syarikat untuk mengenal pasti prestasi dan keperluan perniagaannya;
- Pembangunan kapasiti yang merangkumi peningkatan kemahiran seperti latihan keusahawanan, kesedaran mengenai penjenamaan dan pensijilan;
- Khidmat nasihat perniagaan oleh Kaunselor Perniagaan PKS dan Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP); dan
- Khidmat nasihat berkaitan akses kepada pembiayaan yang ditawarkan oleh pelbagai institusi kewangan.

BAP is catered for SMEs that are rated with 2-Star and Above rating under SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE), whereas E² is offered to Micro Enterprises and start-ups that are rated with Level 3 and Below rating under Micro Enterprise Competitiveness Rating for Enhancement (M-CORE).

As at December 2012, 333 companies received approvals with financial assistance amounting to RM24.7 million, along with skills upgrading training.

- **SKILLS UPGRADING PROGRAMME**

In line with the Government's initiatives to increase knowledge workers and generate a high-income economy, SME Corp. Malaysia has implemented the Skills Upgrading Programme which aims to enhance the skills and capabilities of employees and owners of SMEs through short courses on technical

and soft skills. Currently, there are 44 appointed Skills Development Centres and Professional Training Providers. A total of 8,304 employees of SMEs were trained between January and December 2012 compared to 4,428 employees in 2011.

Based on the feedback from employers after 3 months of completion of courses, 85 per cent acknowledged that there was a high increase in productivity among their employees. In terms of improvement in employees' skills, 82 per cent of employers stated that there was a high improvement. Among the most popular courses applied by SMEs include Maximize Profit and Increase Sales: Marketing Tips and Effective Human Relations & Interpersonal Communication Skills; and Welding Inspection and Industrial Radiography.

- **SME-UNIVERSITY INTERNSHIP PROGRAMME**

The SME-University Internship Programme is an initiative to link SMEs to the universities as part of the Government efforts to enhance synergy between the industry and university to upgrade the SMEs capacity and capability. This programme also gives an opportunity to university students



BAP disediakan untuk membantu PKS yang diberi penarafan 2 Bintang ke Atas di bawah Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE), manakala E² ditawarkan kepada Perusahaan Mikro dan perniagaan baru yang diberi penarafan Tahap 3 ke Bawah di bawah Penarafan Daya Saing Perusahaan Mikro untuk Peningkatan (M-SCORE).

Sehingga Disember 2012, 333 syarikat telah mendapat kelulusan untuk bantuan kewangan berjumlah RM24.7 juta bersama dengan latihan peningkatan kemahiran.

- **PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN**

Sejajar dengan inisiatif Kerajaan untuk mempertingkatkan bilangan pekerja berpengetahuan dan menjana ekonomi berpendapatan tinggi, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan Program Peningkatan Kemahiran yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan kemahiran pekerja PKS dari segi teknikal dan soft skills bagi membantu meningkatkan produktiviti PKS tempatan. Melalui program ini SME Corp telah melantik 44 Pusat Kemahiran di seluruh negara bagi menyediakan latihan jangka pendek kepada PKS, di mana SME Corp. Malaysia menyediakan geran 70% ke atas yuran latihan. Seramai 8,304 pekerja PKS telah dilatih di antara

Januari dan Disember 2012 berbanding dengan 4,428 pekerja PKS pada tahun 2011.

Berdasarkan maklum balas daripada para majikan setelah 3 bulan tamat kursus, 85 peratus majikan mengesahkan bahawa terdapat peningkatan tinggi dalam produktiviti di kalangan pekerja mereka. Sebanyak 82 peratus majikan menyatakan bahawa terdapat peningkatan yang tinggi dari segi peningkatan kemahiran pekerja. Di antara kursus paling popular yang dipohon oleh PKS termasuk *Maximize Profit and Increase Sales: Marketing Tips, Effective Human Relations & Interpersonal Communication Skills*; dan *Welding Inspection and Industrial Radiography*.

- **PROGRAM SME-UNIVERSITY INTERNSHIP**

Program ini adalah satu inisiatif untuk menghubungkan PKS dengan universiti sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan meningkatkan sinergi di antara industri dan universiti untuk mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan PKS. Program ini turut memberi peluang kepada para pelajar universiti untuk mempraktikkan pengetahuan mereka dalam persekitaran perniagaan yang sebenar serta mempelajari selok belok perniagaan dengan bimbingan para pensyarah dan Kaunselor Perniagaan PKS dari SME Corp. Malaysia. Sebanyak 11 universiti iaitu UUM, UPM, UTeM, UniSZA, IIUM, UPSI, UTHM, UiTM (Shah Alam), UniMAP, USIM and USM telah menyertai program ini pada tahun 2012 yang melibatkan seramai 224 pelajar dan 45 PKS.

Beberapa universiti telah mengambil keputusan untuk menunda pelaksanaan program ini pada tahun 2012 dalam usaha mereka untuk mengkaji semula struktur pelaksanaan dan memantapkan prestasi program untuk menghasilkan impak yang lebih baik pada tahun berikutnya. Keputusan tersebut secara langsung telah menyebabkan penurunan bilangan PKS dan juga pelajar pada tahun 2012.



to apply their knowledge in a real business environment and learn the ins and outs of business with the guidance of lecturers and SME Corp. Malaysia's Business Counsellors. A total of 11 universities namely UUM, UPM, UTeM, UniSZA, IIUM, UPSI, UTHM, UiTM (Shah Alam), UniMAP, USIM and USM completed the programme in 2012 involving 224 students and 45 SMEs.

Several universities had decided to defer the implementation of this programme in 2012 in their effort to review the implementation structure and to enhance the performance of the programme in order to generate greater impact in the following year. Their decisions had directly attributed to the decrease in the number of participating SMEs and students in 2012.

Several achievements recorded through this programme were:

- Increase in productivity by 33 per cent upon completion of the programme for one of the participating companies;
 - Increase in sales by 78 per cent upon completion of

the programme for one of the participating companies; and

- *Reduction of operational costs by 15 per cent for one of the participating companies.*

In addition, based on the feedback received from the participating SMEs and students, 71 per cent of the SMEs stated that their business performance had improved and 85 per cent stated that their knowledge on business best practices had been enhanced as a result of their participation in the programme. Meanwhile, 91 per cent of the students stated that following their participation in the programme, they were now encouraged to start up their own businesses, foreseeable in less than 5 years upon completing their studies.



Sebahagian daripada pencapaian yang telah direkodkan melalui program ini adalah:

- Peningkatan produktiviti sebanyak 33 peratus setelah tamat program bagi salah sebuah syarikat yang telah mengambil bahagian;
- Peningkatan jualan sebanyak 78 peratus setelah tamat program bagi salah sebuah syarikat yang telah mengambil bahagian; dan
- Pengurangan kos operasi sebanyak 15 peratus bagi salah sebuah syarikat yang telah mengambil bahagian.

Di samping itu, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada PKS dan pelajar, 71 peratus daripada PKS menyatakan bahawa prestasi perniagaan mereka telah bertambah baik dan 85 peratus pula menyatakan bahawa pengetahuan mereka mengenai perniagaan telah meningkat

hasil daripada penyertaan mereka dalam program ini. Manakala, 91 peratus daripada pelajar yang telah mengambil bahagian dalam program ini menyatakan bahawa mereka kini terdorong untuk memulakan perniagaan mereka sendiri dalam jangkaan tempoh kurang dari 5 tahun setelah tamat pengajian mereka.

Setelah 3 tahun melaksanakan program ini dengan jayanya, SME Corp. Malaysia telah membuat keputusan untuk menyokong dan membawa universiti-universiti ke tahap yang lebih tinggi dengan melancarkan *SME-University Internship 2012 Championship* yang telah diadakan pada 9 Oktober 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Kejohanan ini menobatkan beberapa Perunding-perunding Muda terbaik berdasarkan pencapaian mereka dalam memberi khidmat rundingan kepada PKS yang dipilih. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diumumkan sebagai johan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai pemenang tempat kedua dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di tempat ketiga. PUNB telah menawarkan hadiah berupa bantuan kewangan dan juga latihan pengurusan kepada semua ahli kumpulan dalam pasukan pemenang berjumlah RM50,000 bagi membantu mereka membuka perniagaan setelah tamat pengajian mereka kelak.

After 3 years of successful implementation of this programme, SME Corp. Malaysia had decided to support the universities and take them to a higher level by the introduction of SME-University Internship 2012 Championship, which was held on 9 October 2012 at Putra World Trade Centre (PWTC). The championship crowned the best Junior Consultants based on their achievements in consulting the assigned SMEs. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) was announced as the champion, with Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) as the first runner-up, and Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) as the second runner-up. PUNB had offered all members of the winning teams financial assistance, as well as, management training in the amount of RM50,000 to help them set up their businesses upon completion of their studies.

• SME@UNIVERSITY PROGRAMME

SME Corp. Malaysia in collaboration with Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) and Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) has established the SME@University Programme. This programme was initiated based on the training model of SME University of Japan with the cooperation from the Organisation for Small & Medium Enterprises and Regional Innovation of Japan (SME Support, Japan).

The objective of the SME@University Programme is to provide SME business owners with a structured learning opportunity in the universities for them to gain knowledge on entrepreneurship and business tools which encompass theory, methodology and applied skills.

In 2011-2012, the SME@University Programme was implemented in collaboration with 5 universities with the name SME@UKM, SME@UiTM, SME@UPM, SME@IIUM

dan SME@UMK with the participation of 104 SME business owners.

The programme was developed using a semi-coaching and semi-consulting approach conducted by specific field experts and guest speakers from the industry. Based on the feedback received from the programme participants, they were content with the accomplishments that they had obtained from the programme which included:

- Knowledge enhancement in refining their business plans;
- Formalisation of comprehensive and practical business vision and mission in their organisations;
- Opportunity to promote their products and services through “business pitching” sessions for overseas investments;
- Encouragement for SME business owners to pursue their MBA studies; and
- Opportunities to explore business alliances with participants of the programme.

Moving forward in 2013, the SME@ University Programme is looking forward to increasing the participation of SMEs to 110, from the targeted 100 SMEs in 2012, with the collaboration of 8 universities.

• PROGRAM SME@UNIVERSITY

SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengadakan program ini. Ianya telah dibentuk berdasarkan model latihan Universiti@PKS di Jepun dengan kerjasama *Organization for Small and Medium Enterprises and Regional Innovation of Japan (SME Support, Japan)*.

Objektif Program *SME@University* adalah untuk memberi peluang kepada pemilik syarikat PKS mengikuti pembelajaran berstruktur di universiti bagi mempertingkatkan pengetahuan keusahawanan melalui pendedahan

kepada kaedah perniagaan yang merangkumi teori, metodologi dan kemahiran gunaan.

Pada tahun 2011-2012, program ini telah dilaksanakan bersama 5 buah universiti dengan nama SME@UKM, SME@UiTM, SME@UPM, SME@IIUM dan SME@UMK dengan penyertaan seramai 104 pemilik syarikat PKS.

Program ini telah dibangunkan dengan menggunakan pendekatan *semi-coaching and semi-consulting* oleh pakar-pakar bidang pengkhususan dan penceramah-penceramah jemputan dari industri. Berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada peserta program, faedah dan manfaat yang telah diperolehi adalah termasuk:

- Peningkatan pengetahuan dalam mendalami pelan perniagaan mereka;
- Penerapan visi dan misi perniagaan yang komprehensif dan praktikal di dalam organisasi mereka;





SME@University PROGRAMME

- **SME MENTORING PROGRAMME**

SME Mentoring Programme is a strategic collaboration between SME Corp. Malaysia, Nestlé (Malaysia) Berhad and Halal Industry Development Corporation (HDC), which was established to further develop and increase the capacity of local SMEs in the Halal industry. This programme aims to share Nestlé's knowledge, experience and best practices in Halal related procedures, production, sales and marketing, based on Nestlé's success as a market leader in the food and beverage industry in Malaysia.

Following their participation in the seminar, several improvement activities were undertaken by some of the participating companies which included:

- Setting up of the Halal Committee in the company to ensure that the Halal aspect is emphasised in business operations;
- Obtaining certifications and standards such as MS ISO 9001:2008, MS 1480:2007 HACCP, GMP / HACCP Halal prior to venturing into export markets;
- Enhanced production capacity attributed by Nestlé's sharing of latest methodology;
- Improved product packaging through compliance with set standards to increase product competitiveness in local and international markets;

- Peluang untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka melalui sesi “business pitching” untuk pelaburan luar negara;
- Galakan kepada pemilik syarikat PKS untuk melanjutkan pengajian MBA mereka; dan
- Peluang untuk meneroka kerjasama perniagaan dengan para peserta program.

Melangkah ke hadapan untuk tahun 2013, Program SME@University ini dijangka akan mempertingkatkan penyertaan PKS kepada 110, daripada sasaran 100 PKS pada tahun 2012, dengan kerjasama 8 universiti.

• PROGRAM PEMENTORAN PKS

Program Pemantoran PKS merupakan kerjasama strategik di antara SME Corp Malaysia, Nestlé (Malaysia) Berhad dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), yang dibentuk bagi membangunkan dan meningkatkan keupayaan PKS tempatan dalam industri makanan dan minuman halal. Program ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik Nestlé dalam pengurusan berkaitan prosedur Halal, aspek pengeluaran, pemasaran dan produktiviti, berdasarkan kejayaan Nestlé sebagai pengeluar terulung bagi industri makanan dan minuman di Malaysia.

Hasil daripada penyertaan dalam seminar, beberapa aktiviti penambahbaikan telah dilaksanakan oleh beberapa syarikat yang terlibat termasuk:

- Pembentukan jawatankuasa HALAL dalam syarikat untuk memastikan aspek Halal dititik beratkan dalam menjalankan perniagaan;
- Mendapat pensijilan dan piawaian seperti MS ISO 9001:2008, MS 1480:2007 HACCP, GMP / HACCP Halal sebagai persediaan sebelum mencebur pasaran eksport;
- Peningkatan kapasiti pengeluaran hasil daripada perkongsian kaedah terkini oleh Nestlé;
- Menambahbaik pembungkusan produk dengan mematuhi piawaian yang ditetapkan untuk meningkatkan daya saing produk di pasaran tempatan dan antarabangsa;
- Penambahbaikan dalam Pengurusan Rangkaian Bekalan;
- Memberi penekanan kepada latihan untuk pekerja bagi menambahbaik pemahaman mengenai standard Halal;
- Penegasan berterusan dalam mematuhi Akta dan Peraturan Makanan terutamanya bagi bahagian pemprosesan makanan;
- Pembangunan rangka kerja baru dalam pematuhan Syariah di dalam syarikat; dan
- Pemantauan amalan Halal yang konsisten.

- Improvement in Supply Chain Management;
- Emphasis on training for employees to improve their understanding of Halal standards;
- Continuous emphasis on compliance with the Food Act and Regulation particularly on food processing;
- Development of new framework in Shariah compliance in the company; and
- Consistent monitoring of Halal practice.

The programme received positive feedback from the participating SMEs. Since its inception in 2010, 176 participants from 112 SMEs benefited from this programme. A total of 74 participants from 50 SMEs took part in this programme in 2011. In 2012, this programme benefited 54 SMEs, with a total of 89 participants, over 4 sessions held in Kuala Lumpur, Terengganu, Melaka and Sarawak.

SME EXPERT ADVISORY PANEL (SEAP) PROGRAMME

The SME Expert Advisory Panel (SEAP) is a programme, which gathers a pool of retired experts from the industries and specific Government Agencies to provide technical and business advisory services to SMEs. The role of the experts is to guide and assist SMEs in improving business operations and practices based on their respective fields of expertise.

As at 2012, a total of 63 industry experts had been appointed from various backgrounds. Since its inception in 2005, a total of 87 SMEs have been guided by the experts for various improvement areas under this programme, and of which a total

of 30 projects were undertaken by 17 participating SMEs in 2012.

In 2012, several companies had experienced significant changes through the SEAP Programme. Some of the significant changes that the SMEs had implemented in their organisations include:

- Improvement in production system to optimise resources and products;
- Improving the overall management of the company through a refined company structure;



Program ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada PKS yang mengambil bahagian. Sejak dilancarkan pada tahun 2010, 176 peserta dari 112 PKS telah mendapat manfaat daripada program ini. Seramai 74 peserta dari 50 PKS telah mengambil bahagian dalam program ini pada tahun 2011. Pada tahun 2012 pula, program ini telah memanfaatkan 54 PKS, dengan penyertaan 89 peserta, melalui 4 sesi yang telah diadakan di Kuala Lumpur, Terengganu, Melaka dan Sarawak.

• PROGRAM PANEL PENASIHAT PAKAR PKS (SEAP)

Program Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP) merupakan satu program dimana beberapa pakar berpengalaman yang telah bersara dari industri dan Agensi-agensi kerajaan yang khusus, dilantik bagi tujuan untuk memberikan khidmat nasihat teknikal dan perniagaan kepada PKS. Berdasarkan bidang kepakaran masing-masing, pakar-pakar SEAP akan membimbing dan membantu PKS dalam mengenalpasti kekuatan dan kelemahan syarikat bagi membolehkan langkah-langkah penambahaikan, pembetulan serta pembaharuan dijalankan untuk meningkatkan keupayaan syarikat PKS.



Sehingga tahun 2012, seramai 63 pakar industri telah dilantik dari pelbagai latar belakang. Sejak pembentukan panel ini pada tahun 2005, sebanyak 87 PKS telah dibimbing oleh para pakar dalam pelbagai bidang penambahbaikan di bawah program ini, di mana sebanyak 30 projek telah dilaksanakan oleh 17 PKS yang terbabit pada tahun 2012.

Pada tahun 2012, beberapa syarikat telah mengalami perubahan yang penting melalui pembabitan mereka dalam Program SEAP. Beberapa perubahan penting yang telah dilaksanakan oleh PKS di dalam organisasi mereka termasuk:

- Penambahbaikan dalam sistem pengeluaran untuk mengoptimumkan sumber dan produk;
- Memperbaiki pengurusan menyeluruh syarikat melalui struktur organisasi yang telah diperinci;
- Pelaksanaan garis panduan dan polisi syarikat yang lebih komprehensif;
- Pelaksanaan perancangan penggantian untuk pertumbuhan di masa hadapan; dan
- Sistem dokumentasi yang teratur dan mewujudkan KPI untuk memantau prestasi syarikat.



- Implementation of more comprehensive company guidelines and policies;
- Implementation of succession planning for future growth; and
- Proper documentation system and establishment of KPIs to track the performance of the company.

• HALAL MALAYSIA CERTIFICATION SEMINAR 2012

In 2012, a series of 9 Halal Malaysia Certification Seminars were held all over Malaysia, which were attended by 1,370 participants. The Seminar was organised with the support and partnership of Halal Industry Development Corporation (HDC) and Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). Entrepreneurs, who attended the seminars, were exposed to information related to the following:

- Halal Certification - Application procedure and renewal;
- Aspects of cleanliness, health and safety; [GMP / MeSTI Certificate (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri)];
- Technical support and capacity building programmes;

- Benefits of Halal certification in marketing of products; and
- Sharing of experience by entrepreneurs who have obtained the Halal certification.

Based on the feedback, 63 per cent of the total 562 respondents stated that the seminar content met the objective of enhancing their understanding on Halal certification, including its various procedures and criterion. Overall, 79 per cent of the participants acknowledged the knowledge-value that they obtained from the seminars had increased.

5. DIAGNOSTIC TOOLS FOR COMPETITIVENESS RATING

SME Corp. Malaysia had created 2 diagnostic tools for the classification of the competitiveness levels of SMEs and Micro Enterprises, in order to determine the types of assistance required to help them improve their performances and capabilities, which are:

- **SME COMPETITIVENESS RATING FOR ENHANCEMENT (SCORE)**

Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) is a diagnostic tool to evaluate and rate the

• SEMINAR PENSIJILAN HALAL MALAYSIA 2012

Pada tahun 2012, 9 siri Seminar Pensijilan Halal Malaysia telah diadakan di seluruh Malaysia, yang dihadiri 1,370 peserta. Seminar tersebut telah dianjurkan dengan sokongan dan kerjasama Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Para usahawan yang menghadiri seminar telah didedahkan dengan maklumat yang berkaitan perkara-perkara berikut:

- Pensijilan Halal - Prosedur permohonan dan pembaharuan;
- Aspek kebersihan, kesihatan dan keselamatan; [GMP / Sijil MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri)];
- Sokongan teknikal dan program bina upaya;
- Kelebihan pensijilan Halal dalam aspek pemasaran; dan
- Kisah Kejayaan Halal - Perkongsian pengalaman usahawan yang telah mendapat persijilan Halal.

Berdasarkan maklum balas seminar, 63 peratus daripada keseluruhan 562 responden menyatakan bahawa pengisian seminar telah memenuhi objektif untuk mempertingkatkan kefahaman mereka mengenai pensijilan Halal, termasuk pelbagai prosedur dan kriterianya. Secara keseluruhannya, 79



peratus daripada responden telah memperakui akan nilai pengetahuan yang telah mereka perolehi daripada seminar tersebut telah meningkat.

5. KAE DAH DIAGNOSTIK UNTUK PENARAFAN DAYA SAING

SME Corp. Malaysia telah membentuk 2 kaedah diagnostik untuk mengklasifikasikan tahap daya saing PKS dan Perusahaan Mikro agar dapat mengenal pasti jenis bantuan yang diperlukan untuk mempertingkatkan prestasi dan keupayaan mereka, iaitu:

• PENARAFAN DAYA SAING PKS UNTUK PENINGKATAN (SCORE)


Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) merupakan alat diagnostik untuk menilai daya saing PKS berdasarkan prestasi dan keupayaan semasa syarikat dalam bidang-bidang seperti pengurusan, operasi, penerapan teknologi, inisiatif pensijilan, serta keupayaan teknikal, kewangan dan pemasaran.

competitiveness of SMEs based on company current performance and capabilities in areas such as management, operations, technology adoption, certification initiatives, and technical, financial and marketing capabilities.

A total of 6 SCORE models have been developed for manufacturing and services, retail and commercial distribution, information technology and communication, construction, maintenance and repair (MRO), and professional services. These SCORE models have been developed in collaboration with Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Multimedia Development Corporation (MDeC), Professional Services Development Corporation (PSDC), Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) dan Ministry of Defence Malaysia.

Companies with 2-Star and Below rating are provided with handholding assistance to enhance their capabilities and

improve their business performance, while SMEs with a rating of 3-Star and Above are given added advantage on market access through linkages with other Government Agencies such as Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) and Malaysian Investment Development Authority (MIDA) in trade missions and other linkage programmes. As at 31 December 2012, a total of 9,211 SMEs had been rated where the majority of 5,790 (62.86 per cent) received 2-Star and Below rating, followed by 2,899 (31.47 per cent) with 3-Star rating, and 508 (5.52 per cent) obtained 4-Star and Above rating. A total of 14 SMEs (0.15 per cent) had obtained 5-Star rating.



Sebanyak 6 model SCORE telah dibangunkan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan; perniagaan runcit dan perdagangan agihan; teknologi maklumat dan komunikasi; pembinaan; penyelenggaraan dan baik pulih (MRO); dan perkhidmatan profesional. Model-model SCORE ini telah dibangunkan dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Multimedia Development Corporation (MDeC), Professional Services Development Corporation (PSDC), Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) dan Kementerian Pertahanan Malaysia.

Syarikat dengan penarafan 2 Bintang Bawah diberi bimbingan rapi (*handholding assistance*) bagi mempertingkatkan keupayaan dan prestasi perniagaan mereka, manakala PKS dengan penarafan 3 Bintang ke atas diberi manfaat lebih dengan akses ke pasaran melalui Agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam misi perdagangan dan program rantaian lain. Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 9,211 PKS telah diberi penarafan di mana sebahagian besar iaitu sebanyak 5,790 (62.86 peratus) telah menerima taraf 2 Bintang ke Bawah, diikuti dengan



2,899 (31.47 peratus) dengan penarafan 3 Bintang, dan 508 (5.52 peratus) telah mendapat penarafan 4 Bintang ke Atas. Sebanyak 14 (0.15 peratus) PKS telah memperolehi penarafan 5 Bintang.

- **PENARAFAN DAYA SAING PERUSAHAAN MIKRO UNTUK PENINGKATAN (M-CORE)**

SME Corp. Malaysia telah membentuk kaedah diagnostik yang dipanggil Penarafan Daya Saing Perusahaan Mikro untuk Peningkatan (M-CORE) untuk memenuhi keperluan khusus perusahaan mikro. M-CORE merupakan versi SCORE yang telah dipermudahkan bagi mengenal pasti prestasi Perusahaan Mikro dalam 4 bidang, iaitu prestasi perniagaan, keupayaan kewangan, operasi dan pengurusan.

Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 939 Perusahaan Mikro telah melalui proses penilaian di bawah M-CORE, berbanding dengan 488 pada 2011, iaitu kenaikan sebanyak 92.42 peratus. Sebanyak 37 peratus di Tahap 1, 62 peratus pada Tahap 2 dan 1 peratus pada Tahap 3.

6. PROGRAM CAPAIAN

- **ANUGERAH ENTERPRIS 50 (E50)**

Anugerah Enterpris 50 (E50) adalah program anugerah berprestij yang mengiktiraf dan mengenangkan pencapaian PKS Malaysia. Progam anugerah ini mendorong PKS untuk mempertingkatkan keupayaan dan daya saing mereka. Sejak diperkenalkan pada tahun 1997, program



- **MICRO ENTERPRISE COMPETITIVENESS RATING FOR ENHANCEMENT (M-CORE)**

SME Corp. Malaysia had developed a diagnostic tool called Micro Enterprise Competitiveness Rating for Enhancement (M-CORE) to cater to the specific needs of Micro Enterprises. A simplified version of SCORE, M-CORE emphasises on identifying the performance of Micro Enterprises in 4 areas, namely business performance, financial capability, operations and management.

As at 31 December 2012, a total of 939 Micro Enterprises had been evaluated under M-CORE, compared to 488 in 2011, which is an increase of 92.42 per cent. A total of 37 per cent at Level 1, 62 per cent at Level 2 and 1 per cent at Level 3.

6. OUTREACH PROGRAMMES

- **ENTERPRISE 50 AWARDS (E50)**

Enterprise 50 Awards (E50) is a prestigious awards programme that recognises and promotes the achievements of Malaysian SMEs. The awards programme motivates SMEs to expand their capabilities and competitiveness. Since its inception in 1997, the programme has received a total of 1,726 nominations, and a total of 547 companies have been selected as winners. As at 2012, a total of 60 companies had been listed on Bursa Malaysia where 46 companies were listed on the Main Board and 14 on the ACE Market. The winners had received exclusive exposure through print and electronic media coverage, and special acknowledgements on the E50 homepage. The winning companies were also automatically nominated for the Prime Minister's Industry Excellence Awards and the National Productivity Awards, with privileged access to the E50 Alumni.

- **ONE REFERRAL CENTRE (ORC)**

Since August 2011, when SME Corp. Malaysia moved its headquarters to Platinum Sentral, Kuala Lumpur Sentral, the One Referral Centre (ORC) has undergone a rebranding exercise and strengthened its role as the focal point for SMEs to obtain business advisory services and information. Through ORC, we continue to provide facilities such as the Information Kiosks, SME Toolkit Kiosk and Resource Centre. Some of our strategic partners from the financial institutions and other related Agencies have also set up their information counters for SMEs at the ORC. SME products are also on display at the Product Gallery located at ORC. A total of 9,703 visitors had visited the ORC up to 2012. Industry experts have been invited to join Pocket Talks to present various business topics, as well as, to consult SMEs alongside our well-trained SME Business Counsellors. A total of 4,304 participants took part in 132 sessions of Pockets Talks in 2012.

ini telah menerima 1,726 pencalonan dan sebanyak 547 syarikat telah dipilih sebagai pemenang. Sehingga 2012, sebanyak 60 syarikat telah disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu 46 syarikat di Papan Utama dan 14 di Pasaran ACE. Pemenang anugerah ini telah menerima pendedahan yang meluas melalui liputan media cetak dan elektronik, dan kejayaan mereka turut diberi paparan khas di laman sesawang E50. Syarikat-syarikat pemenang juga telah dicalonkan secara automatik untuk Anugerah Kecemerlangan Industri Perdana Menteri dan Anugerah Produktiviti Nasional, serta diberi keistimewaan menjadi ahli Alumni E50.

- **PUSAT RUJUKAN SETEMPAT (ORC)**

Sejak Ogos 2011, apabila ibu pejabat SME Corp Malaysia berpindah ke Platinum Sentral, Kuala Lumpur Sentral, Pusat Rujukan Setempat (ORC) telah menjalani penjenamaan semula serta diperkuuhkan peranannya sebagai pusat tumpuan utama bagi PKS untuk mendapatkan khidmat nasihat dan maklumat perniagaan. Melalui ORC, kami terus menyediakan kemudahan seperti Kiosk Maklumat, SME Toolkit Kiosk dan Pusat Sumber. Beberapa rakan kongsi strategik kami dari institusi kewangan dan Agensi lain yang berkaitan juga telah menyediakan kaunter maklumat mereka untuk PKS



di ORC. Produk-produk PKS turut dipamerkan di Galeri Produk bertempat di ORC. Seramai 9,703 pengunjung telah melawat ORC pada tahun 2012. Pakar-pakar industri telah dijemput untuk menyertai *Pocket Talks* bagi memberi penerangan mengenai pelbagai topik berkaitan perniagaan serta memberi khidmat runding kepada PKS seiring dengan Kaunselor Perniagaan PKS kami yang terlatih. Seramai 4,304 peserta telah mengambil bahagian dalam 132 sesi *Pocket Talks* pada tahun 2012.

- **PROGRAM LATIHAN KAUNSELOR PERNIAGAAN PKS**

SME Corp. Malaysia berusaha untuk terus membina kapasiti para pegawainya bagi membantu mereka memberi khidmat nasihat perniagaan dengan efisyen kepada PKS. Untuk mencapai tujuan ini, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) dan Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah melaksanakan 2 fasa pertama Program Latihan Kaunselor Perniagaan PKS yang melibatkan 64 pegawainya.

Di bawah program ini, pakar industri Jepun yang berpengalaman telah membimbing para pegawai yang terlibat dalam pelbagai aspek perniagaan seperti pengurusan kewangan, undang-undang cukai dan pengurusan, pemasaran, pengurusan pengeluaran dan diagnosis korporat.



- **SME BUSINESS COUNSELLORS TRAINING PROGRAMME**

SME Corp. Malaysia endeavours to continuously build the capacity of its officers to help them provide efficient business advisory services to the SMEs. Towards this, SME Corp. Malaysia in collaboration with Japan International Cooperation Agency (JICA) and the Economic Planning Unit (EPU) had implemented the first 2 phases of the SME Business Counsellors Training Programme involving 64 of its officers.

Under the programme, experienced Japanese industrial experts mentored the participating officers on various aspects of business such as financial management, tax laws and management, marketing, production management and corporate diagnosis.

An extension of the SME Business Counsellors Training Programme was the SME Business Counsellors Training of Trainers Programme, which was conducted to the top 30 SME Business Counsellors of the SME Business Counsellors Training Programme. In 2012, 14 new SME Business Counsellors were generated from the Training of Trainers Programme.

Similarly, the SME Financial Counsellors Programme was implemented to train 24 SME Financial Counsellors were created. These Financial Counsellors would be able to diagnose and analyse SMEs' financial health and provide effective guidance and advisory services to them, especially on assistance schemes from SME Corp. Malaysia.

- **HIMPUNAN USAHAWAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA**

An outreach programme was organised in 7 separate locations to initiate a dialogue with the critical mass of Micro Enterprises in the country. In line with the Government's initiative to promote the growth of SMEs and to elevate the living standards of the nation, this event was a platform that gathered Micro, Small and Medium Enterprises to showcase and highlight their products and services in an entrepreneurial-friendly environment. Ministries and Agencies involved in the development of SMEs, as well as, financial institutions shared their knowledge on the various assistance provided by the Government to groom and nurture the Micro, Small and Medium Enterprises in the country. Launched in Selangor by Y.A.B. Prime Minister of Malaysia, this event was

Lanjutan daripada Program Latihan Kaunselor Perniagaan PKS adalah Program Melatih Pelatih Kaunselor Perniagaan PKS, yang telah dijalankan kepada 30 Kaunselor Perniagaan PKS terbaik. Pada tahun 2012, Program Melatih Pelatih tersebut telah menghasilkan 14 Kaunselor Perniagaan PKS yang baru.

Begitu juga dengan Program Kaunselor Kewangan PKS yang telah dilaksanakan bagi melatih 24 Kaunselor Kewangan PKS dihasilkan. Para Kaunselor Kewangan ini akan dapat mendiagnosis dan menganalisis keadaan kewangan PKS dan memberi khidmat bimbingan dan khidmat nasihat yang berkesan kepada mereka, terutamanya mengenai skim-skim bantuan dari SME Corp. Malaysia.

- **HIMPUNAN USAHAWAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA**

Program capaian ini telah diadakan di 7 lokasi berasingan bertujuan untuk memulakan dialog dengan kelompok besar kritikal Perusahaan Mikro di negara ini. Selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan PKS dan mempertingkatkan taraf hidup negara, acara ini adalah satu platform yang mengumpulkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana untuk

mempamerkan dan mengenengahkan produk dan perkhidmatan mereka dalam persekitaran keusahawanan yang mesra. Pelbagai Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS, serta institusi kewangan, telah berkongsi pengetahuan mereka mengenai pelbagai bantuan yang disediakan oleh Kerajaan untuk membimbang dan memupuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana di negara ini. Dilancarkan di Selangor oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, acara ini merupakan peluang untuk Kerajaan turun padang dan berinteraksi dengan PKS dan para usahawan. Himpunan Usahawan Mikro, Kecil dan Sederhana telah diadakan di Kelantan, Selangor dan Sarawak di mana ia menarik seramai 73,100 pengunjung ke 7 lokasi tersebut dan menjana jualan lebih RM1.3 juta.

7. PROGRAM UNTUK USAHAWAN BUMIPUTERA

“Kami nampak bahawa mengenengahkan PKS dan usahawan tempatan, adalah relevan dan kami berbangga dengan keupayaan dan potensi semula jadi yang wujud di Malaysia dan di kalangan rakyat Malaysia ke arah merangsang objektif pertumbuhan negara.”

- **PROGRAM PENINGKATAN PERUSAHAAN BUMIPUTERA (BEEP)**

Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP) telah diperkenalkan untuk mewujudkan dan membangunkan PKS Bumiputera yang berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik. Program ini dilaksanakan menerusi 11 Pejabat Negeri SME Corp. Malaysia dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri. Program ini bertujuan untuk menperkuuhkan PKS dari segi teras perniagaan mereka melalui membina kapasiti dan keupayaan; mempertingkatkan produktiviti; dan memudahkan akses kepada pembiayaan bagi tujuan latihan, pembungkusan dan pelabelan, inovasi, penjenamaan, pensijilan dan sistem pengurusan kualiti.



an avenue for the Government to engage with the SMEs and entrepreneurs. Himpunan Usahawan Mikro, Kecil dan Sederhana was held in Kelantan, Kedah, Selangor, Sarawak, Sabah, Pahang and Melaka where it had attracted a total of 73,100 visitors to the 7 locations and generated sales of more than RM1.3 million.

7. PROGRAMMES FOR BUMIPUTERA ENTREPRENEURS

“We see the relevance of promoting indigenous and home-grown SMEs and entrepreneurs, as we take pride in the inherent capabilities and potential of Malaysia and Malaysians towards accelerating our national growth objectives.”

- **BUMIPUTERA ENTERPRISE ENHANCEMENT PROGRAMME (BEEP)**

The Bumiputera Enterprise Enhancement Programme (BEEP) was introduced to create and develop competitive, resilient and dynamic Bumiputera SMEs. It is implemented through SME Corp. Malaysia's 11 State Offices in collaboration with all State Governments. The programme endeavours to strengthen the SMEs and their core businesses, build capacity and capability; enhance productivity; and facilitate access to financing

towards training, packaging and labelling, innovation, branding, certification and quality management systems.

As at 31 December 2012, we had received a total of 745 applications from Bumiputera SMEs, out of which 595 were approved to receive financial assistance amounting to RM48.24 million. The States of Melaka, Penang and Terengganu recorded the highest approvals with 255 (RM11.32 million), 90 (RM8.8 million) and 89 (RM13.63 million) approvals respectively. The majority of the approvals were for product and process improvement with 258 approvals totalling RM33.16 million. This positively reflects the readiness of SMEs to move to the next level of growth through various provisions under the BEEP.

Similarly, Bumiputera-led companies recorded a 210 per cent increase in the number of top 50 winners in Enterprise



Sehingga 31 Disember 2012, kami telah menerima sebanyak 745 permohonan daripada PKS Bumiputera, di mana 595 telah diluluskan untuk menerima bantuan kewangan berjumlah RM48.24 juta. Melaka, Terengganu dan Pulau Pinang mencatatkan kelulusan tertinggi dengan masing-masing mendapat sebanyak 255 kelulusan (RM11.32 juta), 90 kelulusan (RM8.8 juta) dan 89 kelulusan (RM13.63 juta). Sebahagian besar kelulusan adalah untuk penambahbaikan produk dan proses dengan 258 kelulusan berjumlah RM33.16 juta. Ini mencerminkan secara positif kesediaan PKS untuk bergerak ke peringkat pertumbuhan seterusnya melalui pelbagai peruntukan di bawah BEEP.

Syarikat-syarikat Bumiputera juga telah mencatatkan peningkatan 210 peratus dalam bilangan 50 pemenang teratas Anugerah Enterpris 50 (E50) 2012, dengan peningkatan kepada 31 syarikat pada tahun 2012, daripada 10 syarikat pada tahun 2011. Ini sekali lagi menunjukkan potensi dan kesediaan PKS tempatan untuk menerokai

pasaran eksport dan mempertingkatkan kedudukan mereka di peringkat global.

• KERJASAMA DENGAN TERAJU

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan pada 22 November 2012 untuk mewujudkan perkongsian pintar di antara SME Corp. Malaysia dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang bertujuan untuk mendorong dan menggalakkan pembangunan usahawan Bumiputera. Kerjasama ini dapat mewujudkan pertukaran maklumat yang bermanfaat, pemberian khidmat nasihat dan infrastruktur bagi pelbagai program yang akan menggalakkan pertumbuhan lebih banyak Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS). SME Corp. Malaysia akan membantu TERAJU dengan memanjangkan manfaat sistem SCORE, 1-InnoCERT, SEAP, BEEP, *National Mark of Malaysian Brand* dan program-program relevan lain yang sedia ada kepada syarikat-syarikat TeraS.

• DELEGASI PERNIAGAAN KHAS KE UZBEKISTAN

Satu Delegasi Perniagaan khas ke Uzbekistan telah diketuai oleh Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Hj. Abdul Majid, Pengurus SME Corp. Malaysia. Ianya bertujuan untuk membina rantaian perniagaan dan menerokai peluang kerjasama dengan majlis-majlis perniagaan dan syarikat-syarikat dalam industri Minyak & Gas dan Jentera di Uzbekistan. Sesi rangkaian perniagaan yang dianjurkan dari 12-14 September 2012 telah dihadiri oleh 6 PKS Bumiputera.

50 Awards (E50) 2012, with an increase to 31 companies in 2012, from 10 companies in 2011. This again reflects the potential and readiness of domestic-oriented SMEs to tap into export markets and enhance their global presence.

- **SMART PARTNERSHIP WITH TERAJU**

A Memorandum of Understanding (MoU) Signing Ceremony was held on 22 November 2012 to establish a smart partnership between SME Corp. Malaysia and Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), as to encourage and promote the development of Bumiputera entrepreneurs. The partnership will help facilitate meaningful exchange of information, provide advisory services and infrastructure for various programmes that will promote the growth of High-Performing Bumiputera Companies (TeraS). SME Corp. Malaysia will facilitate and assist TERAJU by extending the benefits of its existing SCORE system, 1-InnoCERT, SEAP, BEEP, National Mark of Malaysian Brand and other relevant programmes to the TeraS companies.

- **BUSINESS DELEGATION TO UZBEKISTAN**

A special Business Delegation to Uzbekistan was led by Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Hj. Abdul Majid, Chairman of SME Corp. Malaysia, with the aim of establishing business linkages and exploring collaborative opportunities with Uzbekistan business councils and companies in the Oil & Gas and Machinery industries. The networking sessions, organised during the period 12 - 14 September 2012, were attended by 6 Bumiputera SMEs.

- **IPO SEMINAR 2012: 'STAIRWAY TO LISTING'**

An IPO Seminar 2012: 'Stairway to Listing' was organised on 22 November 2012 by SME Corp. Malaysia in collaboration with Bursa Malaysia and TERAJU

with the aim of educating high-potential Bumiputera SMEs on listing procedures and processes. The objective was also to help the SMEs appreciate the value and benefits of listing. With more than 80 participants at the seminar, 5 Advisory Sessions on listing were conducted by Bursa Malaysia. In conjunction with the seminar, a dialogue with Y.B. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Minister of International Trade & Industry (MITI) which was moderated by Encik Kamarul Bahrin Haron, Executive Editor of Astro Awani, was held. The session helped the participants to better understand the dynamics of a conducive business ecosystem; learn about the supportive role of Development Financial Institutions (DFIs); and gain a perspective on business plans with sustainable business models.

8. DEVELOPMENT PROGRAMMES FOR WOMEN ENTREPRENEURS

"We join forces to encourage women to assume pivotal roles in the mainstream economy as 'game changers' and agents of positive change, bringing about a new wave of economic, social and political development."



- SEMINAR IPO 2012: ‘STAIRWAY TO LISTING’**

Satu Seminar IPO 2012: ‘Stairway To Listing’ telah dianjurkan pada 22 November 2012 oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Bursa Malaysia dan TERAJU bertujuan untuk mendidik PKS Bumiputera yang berpotensi tinggi mengenai prosedur dan proses penyenaraian. Objektif seminar ini juga adalah untuk membantu PKS bagi memahami nilai dan manfaat penyenaraian. Dengan lebih daripada 80 peserta menghadiri seminar tersebut, 5 sesi Khidmat Nasihat berkaitan penyenaraian telah diadakan oleh Bursa Malaysia. Bersempena dengan seminar ini, satu dialog bersama Y.B. Dato’ Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang dikendalikan

oleh Encik Kamarul Bahrin Haron, Editor Eksekutif, Astro Awani telah diadakan. Sesi ini telah membantu para peserta untuk lebih memahami dinamik ekosistem perniagaan yang kondusif; mempelajari mengenai sokongan Institusi Kewangan Pembangunan (DFI); dan memperolehi perspektif mengenai pelan perniagaan dengan model perniagaan yang mampan.

8. PROGRAM PEMBANGUNAN UNTUK USAHAWAN WANITA

“Kami bergabung tenaga untuk menggalakkan wanita memegang peranan penting dalam ekonomi arus perdana sebagai ‘game changers’ dan ejen perubahan positif yang akan membawa gelombang baru dalam pembangunan ekonomi, sosial dan politik.”

Sebagai salah satu daripada negara dengan ekonomi yang berkembang pesat di rantau ini, kami telahpun berada di hadapan dalam memperkenalkan dasar-dasar mesra wanita, yang merupakan petanda baik kepada ekonomi negara, dengan mencungkil potensi dan kemahiran sumber wanita di negara ini. Kami menyokong dengan giatnya agenda yang memupuk sumber wanita di negara ini melalui

As one of the fast growing economies in the region, we have been ahead of the pack in introducing women-friendly policies, which augurs well for the overall economy, by tapping into the potential and skill-sets of women resources of the country. We actively support the agenda of nurturing the female resources of the country through various local, regional and global platforms that allow meaningful dialogues, efficient networking and collaborative opportunities.

In 2012, among the various initiatives, we had planned and organised the following events to advance the spirit of partnership and the exchange of knowledge and best practices among women leaders and entrepreneurs:

- **The Electronically & Economically Empowered (E³) Women's Forum**

The Electronically & Economically Empowered (E³) Women's Forum was organised in collaboration with APEC Business Advisory Council Women's Forum on 24 May 2012. Facilitated and moderated by Dato' Hafsa Hashim, CEO of SME Corp. Malaysia, the forum deliberated an active discussion on policy recommendations towards enhancing the opportunities for



pelbagai platform tempatan, serantau dan global yang menyediakan penganjuran dialog yang bermanfaat, rangkaian perniagaan yang efisyen dan peluang kerjasama.

Pada tahun 2012, di antara pelbagai inisiatif, kami telah merancang dan menganjurkan acara-acara berikut untuk memajukan semangat perkongsian dan pertukaran pengetahuan serta amalan-amalan terbaik di kalangan para pemimpin dan usahawan wanita:

- **Forum *The Electronically & Economically Empowered (E³) Women***

Forum *The Electronically & Economically Empowered (E³) Women* telah dianjurkan dengan kerjasama *APEC Business Advisory Council Women's Forum* pada 24 Mei 2012. Forum ini yang dipengerusikan oleh Dato' Hafsa Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, telah membincangkan secara aktif cadangan dasar bagi meningkatkan peluang wanita dalam perniagaan dan merumuskan mekanisme dasar yang akan menyerlahkan isu-isu berkaitan kepekaan gender. Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Salim, Pengarah, Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW), di acara yang telah dihadiri oleh penceramah

wanita antarabangsa dan lebih daripada 80 peserta tersebut, telah menyampaikan ucapan dasar di mana beliau telah menekankan peluang serta keperluan untuk memastikan pendapat dan pandangan usahawan wanita mendapat tempat di kalangan negara anggota APEC dan pada masa yang sama mempertingkatkan kerjasama di kalangan wanita di dalam dan di luar kelompok APEC.

- **Program Jaringan Sinergi Usahawan Wanita**

Program Jaringan Sinergi Usahawan Wanita adalah satu inisiatif di bawah Panel Usahawan Wanita anjuran SME Corp. Malaysia. Objektif program ini pada tahun 2012 adalah untuk memberi pendedahan kepada usahawan wanita mengenai peluang-peluang perniagaan dalam industri tekstil dan pelancongan sebagai sumber pendapatan; mempertingkatkan kefahaman mengenai piawaian dan prosedur umum; mengembangkan rangkaian perniagaan dan mewujudkan sinergi dalam rantaian industri; serta membentuk pakatan strategik di kalangan usahawan. Program ini dibahagikan kepada 4 komponen iaitu seminar, bengkel, jaringan perniagaan dan lawatan perniagaan. Pada tahun 2012, 3 siri Jaringan Sinergi Usahawan Wanita telah berjaya dianjurkan di Langkawi (Kedah), Kuala Terengganu (Terengganu) dan Kuching (Sarawak) dengan penyertaan seramai 612 peserta.

- **Sidang Kemuncak Global Wanita (GSW)**

Sidang Kemuncak Global Wanita (GSW) merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Globe Women Inc. USA yang menghimpunkan lebih daripada 1,000 orang wanita yang berpengaruh dan mempunyai pelbagai latar belakang dari segenap pelusuk dunia. GSW merupakan sebuah platform bagi perkongsian polisi, maklumat dan pengalaman mengenai strategi untuk memperkasakan wanita serta mengembangkan penglibatan mereka dalam ekonomi.



women in business and the formulation of a policy mechanism that advances the gender issues. Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Salim, Director of NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW), in the presence of international women speakers and more than 80 participants, delivered a keynote address and stressed on the possibility, as well as, the need to strengthen the voice of businesswomen within the APEC economies and enhance collaboration among women within APEC and beyond.

- **Women Entrepreneur Networking for Synergy Programme**

Women Entrepreneur Networking for Synergy Programme is an initiative under the Panel of Women Entrepreneurs organised by SME Corp. Malaysia. The objectives of the programme in 2012 were to provide exposure to women entrepreneurs on business opportunities in the textile

and tourism industry as a source of income; improve understanding on the common standards and procedures; expand business network and create synergy in the industry chain; and form strategic alliances among entrepreneurs. The programme is divided into 4 components which are seminar, workshop, business networking and business visits. In 2012, 3 series of the Women Entrepreneur Networking for Synergy were successfully organised in Langkawi (Kedah), Kuala Terengganu (Terengganu) and Kuching (Sarawak) with a total of 612 participants.

Pada tahun 2012, GSW telah dianjurkan di Athens, Greece pada 31 Mei - 2 Jun 2012. Malaysia telah mengambil bahagian dalam acara tersebut di mana delegasi Malaysia merupakan delegasi terbesar menghadiri GSW 2012 iaitu seramai 70 orang di mana majoritinya adalah usahawan wanita. Kesemua peserta telah mengambil bahagian di dalam persidangan, pameran serta jaringan perniagaan.

Penyertaan di dalam GSW telah memberi pendedahan kepada usahawan wanita Malaysia mengenai strategi dan amalan perniagaan terbaik dalam merangsang kemajuan ekonomi wanita di seluruh dunia, serta memupuk hubungan dengan para usahawan dari negara-negara lain, melalui pertemuan dan perkongsian pandangan dengan para pemimpin wanita dari seluruh dunia. Ini merupakan platform untuk para peserta mempelajari strategi kreatif, pendekatan serta kepakaran baru, dan juga untuk menjalinkan rangkaian perniagaan. Semasa berlangsungnya GSW 2012, Malaysia telah diumumkan secara rasmi sebagai negara tuan rumah bagi pengajuran GSW 2013. SME

Corp. Malaysia telah diberi tanggungjawab sebagai Urus Setia bagi pengajuran GSW 2013. Delegasi Malaysia telah menghulur jemputan mesra kepada semua peserta untuk menghadiri GSW 2013 di Kuala Lumpur melalui persembahan di Majlis Penutup GSW 2012.

- **Program Minum Petang Usahawan Wanita bersama Timbalan Menteri MITI**

Program Minum Petang Usahawan Wanita bersama Y.B. Dato' Mukhriz Tun Dr Mahathir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), telah dianjurkan pada 10 Februari 2012. Objektif sesi tersebut adalah untuk menyediakan platform yang aktif kepada lebih daripada 50 usahawan wanita kecil dan mikro, wakil persatuan usahawan wanita dan media untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan serta membincangkan isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan wanita dengan fokus kepada sektor tertentu.

- **Dialog dan Sesi Perkongsian Maklumat Bersama Presiden Persatuan Usahawan Wanita**

Dialog dan sesi perkongsian maklumat telah diadakan dengan Presiden Persatuan Usahawan Wanita secara berkala. Dipengerusikan oleh Dato' Hafsa Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia, sesi-sesi tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan idea daripada persatuan-persatuan dan dewan-dewan perniagaan, khususnya mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan wanita dalam perniagaan, dan juga untuk menjalinkan rangkaian perniagaan antara usahawan wanita bagi meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi negara.

- ***The Global Summit of Women (GSW)***

The Global Summit of Women (GSW) is an annual event organised by Globe Women Inc. USA which brings together more than 1,000 influential women with diverse background from all over the world. GSW was a platform for the sharing of policies, information and experience to empower women and expand their participation in the economy.

In 2012, GSW was held in Athens, Greece on 31 May - 2 June 2012. Malaysia took part in the event which was the biggest delegation to GSW 2012 where the majority of its 70 participants were women entrepreneurs. All participants had taken part in the summit, exhibition and business networking.

Participation in the summit provided an exposure to the Malaysian women entrepreneurs on practical strategies and best practices in accelerating women's economic progress worldwide, as well as, to foster relationships with entrepreneurs from other countries, through meeting and sharing of insights with women leaders from all over the globe. This was an avenue where the participants were able to learn creative strategies, new approaches and expertise, and also establish networking. During GSW 2012, Malaysia was officially announced as the host country for GSW 2013. SME Corp. Malaysia was given the responsibility to act as the Secretariat for GSW 2013. The Malaysian delegation made a warm invitation to all participants to attend GSW 2013 in Kuala Lumpur through a performance at the Closing Ceremony of GSW 2012.

- ***Women Entrepreneurs' Hi-Tea Programme with Deputy Minister of MITI***

Women Entrepreneurs' Hi-Tea Programme with Y.B. Dato' Mukhriz Tun Dr. Mahathir, Deputy Minister of International Trade and Industry (MITI) was organised on 10 February 2012. The objective of the session was to provide an active platform for more than 50 micro and small women entrepreneurs, representatives from women entrepreneur associations, and media to share inspiring stories, business knowledge and solutions, as well as, to discuss issues and challenges faced by women entrepreneur with focus on specific sectors.

- ***Dialogues and Information Sharing Sessions with Presidents of Women Entrepreneurs Associations***

Dialogues and information sharing sessions were held with various Presidents of Women Entrepreneurs Associations periodically. Chaired by Dato' Hafsa Hashim, CEO of SME Corp. Malaysia, the sessions were driven with an objective to elicit feedback and ideas from associations



9. INISIATIF KERJASAMA ANTARABANGSA

“Hanya melalui pertukaran yang bermanfaat mengenai maklumat, amalan-amalan terbaik di kalangan masyarakat PKS tempatan, serantau dan antarabangsa, kita mendapat kelebihan daya saing secara global. Bagi tujuan ini, kita terus mengilhamkan dan melaksanakan pelbagai platform acara untuk para usahawan Malaysia.”

- **Mesyuarat Kumpulan Kerja PKS ASEAN, 4-8 Jun 2012, Hotel Istana, Kuala Lumpur**

Mesyuarat Kumpulan Kerja PKS ASEAN telah menghimpunkan Ketua Agensi PKS dari kesemua negara anggota ASEAN untuk membentuk pelan tindakan, strategi dan rangka

kerja dasar ke arah pengwujudan ASEAN sebagai pasaran tunggal, dinamik dan berdaya saing.

- **Mesyuarat Kumpulan Kerja PKS APEC Ke-34 dan Ke-35 - 25-26 April 2012, Brunei Darussalam; 1-2 Ogos 2012, Saint Petersburg, Rusia**

APEC terdiri daripada 21 ekonomi iaitu Amerika Syarikat, Australia, Brunei Darussalam, Chile, China, Filipina, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Kanada, Korea, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Rusia, Singapura, Chinese Taipei, Thailand dan Vietnam. Prinsip-prinsip asas APEC adalah berlandaskan konsep kesukarelaan (voluntary), tidak terikat (non-binding) dan keputusan berdasarkan persetujuan bersama (consensus-based). Mesyuarat Kumpulan Kerja PKS APEC ini diadakan sebanyak 2 kali setahun bertujuan untuk membincangkan inisiatif pembangunan PKS di kalangan negara anggota. Mesyuarat ini juga bertujuan menangani isu-isu yang berkaitan dengan PKS, terutamanya penambahbaikan kepada program pembangunan kapasiti, akses kewangan, dan usaha-usaha meningkatkan daya saing PKS untuk ke pasaran antarabangsa.

and chambers, particularly on issues concerning the development of women in business, and also to establish business networking among women entrepreneurs in order to enhance the contribution of women to the economy.

9. INTERNATIONAL COOPERATION INITIATIVES

“It is only through meaningful exchange of information, solutions and best practices among the community of local, regional and international SMEs, that will we gain a competitive edge globally. To facilitate this, we continue to ideate and implement various event platforms for the Malaysian entrepreneurs.”



- **ASEAN SME Working Group Meeting, 4-8 June 2012, Hotel Istana, Kuala Lumpur**

The ASEAN SME Working Group Meeting brought together the Heads of SME Agencies from all ASEAN member countries to develop action plans, strategies and policy frameworks towards establishing ASEAN as a single, dynamic and competitive market.

- **34th and 35th APEC SME Working Group Meetings - 25-26 April 2012, Brunei Darussalam; 1-2 August 2012, Saint Petersburg, Russia**

APEC has 21 member economies namely United States of America, Australia, Brunei Darussalam, Chile, China, Philippines, Hong Kong, Indonesia, Japan, Canada, Korea, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Russia, Singapore, Chinese Taipei, Thailand and Vietnam. The basic principles of APEC are based on the concept of voluntary participation, non-binding rules and consensus-based decision making. The APEC SME Working Group Meeting is held twice a year to discuss SME development initiatives among member countries. The meeting

- **Program Latihan Rancangan Colombo: Pengantarabangsaan PKS - Pengalaman Malaysia, 3-7 September 2012, The Royale Bintang, Kuala Lumpur**

Program 5 hari ini, yang dianjurkan dengan kerjasama Sekretariat Rancangan Colombo, telah dihadiri oleh seramai 14 wakil dari Kementerian dan Agensi yang bertanggungjawab ke atas pembangunan PKS dari negara-negara anggota Rancangan Colombo. Program latihan yang merangkumi kuliah dalam kelas, perbincangan serta lawatan tapak, juga telah membantu menjelaskan dasar, strategi dan insentif dalam pembangunan dan pengantarabangsaan PKS Malaysia. Program ini juga telah mewujudkan peluang rangkaian perniagaan bagi untuk SME Corp. Malaysia dan Agensi-agensi terlibat yang bertanggungjawab ke atas pembangunan PKS, serta membolehkan pertukaran pengalaman, amalan-amalan terbaik dan kisah kejayaan di kalangan peserta.

- **Program Latihan Negara Ketiga: Pembangunan PKS untuk Promosi Perdagangan, 8-19 Oktober 2012, Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur**

SME Corp. Malaysia dengan sokongan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) dan Kementerian Luar Negeri Jepun telah menganjurkan program ini untuk negara-negara Afrika bagi membantu mereka memahami kepentingan penggubalan dan pelaksanaan dasar serta strategi untuk menggalakkan pembangunan PKS. Program ini juga membantu para peserta untuk memahami peranan pelbagai Agensi Kerajaan dan Swasta dalam menyediakan program-program sokongan yang menumpu kepada akses kepada pembiayaan dan pembangunan pasaran bagi mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan PKS. Seramai 16 peserta dari 10 negara Afrika, yang mewakili pelbagai Kementerian dan Agensi yang berkaitan dengan pembangunan PKS di negara masing-masing, telah menghadiri program tersebut.

- **Program Kerjasama Teknikal Malaysia: Program Latihan untuk Pegawai dari Agensi yang Bertanggungjawab ke atas Pembangunan PKS di Negara-negara Anggota OIC/D8, 3-12 Disember 2012, Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur**

SME Corp. Malaysia, dengan sokongan daripada Kementerian Luar Negeri Malaysia, telah menganjurkan program ini untuk menjelaskan dasar, strategi dan insentif Malaysia dalam pembangunan PKS serta mewujudkan pertukaran pengalaman dan amalan-amalan terbaik di antara SME Corp. Malaysia dan Agensi-agensi yang mengambil bahagian dari negara-negara anggota OIC/D8. Seramai 18 peserta dari negara-negara anggota OIC/D8, yang mewakili pelbagai Kementerian dan Agensi yang terlibat dengan pembangunan PKS di negara-negara masing-masing, telah menghadiri program tersebut.

is also aimed to address issues related to SMEs, particularly on improvements to capacity building and access to financing programmes, and efforts to enhance the competitiveness of SMEs for them to venture into international markets.

- Colombo Plan Training Programme: Internationalisation of SMEs - Malaysia's Experience, 3-7 September 2012, The Royale Bintang, Kuala Lumpur**

This 5-day programme, organised in collaboration with the Colombo Plan Secretariat, was attended by a total of 14 representatives from Ministries and Agencies responsible for SME development from the Colombo Plan member countries. The training programme which included classroom lectures, discussions, as well as, site-visits also helped to illustrate Malaysia's policies, strategies and incentives in SME development and internationalisation of SMEs. The event also created a networking opportunity for SME Corp. Malaysia and participating Agencies responsible for SME development with exchange of experiences, best practices and success stories among the participants.

- Third Country Training Programme: SME Development for Trade Promotion, 8-19 October 2012, Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur**

SME Corp. Malaysia with the support from Japan International Cooperation Agency (JICA) and Ministry of Foreign Affairs Japan organised this programme for African countries to help them appreciate the importance of formulating and implementing sound policies and strategies to promote SME development. The programme also helped participants to understand the roles of various Government and Private Agencies in

providing support programmes, with focus on access to financing and market development, to enhance the capacity and capability of SMEs. A total of 16 participants from 10 African countries, representing various Ministries and Agencies related to SME development in their respective countries, attended the programme.

- Malaysian Technical Cooperation Programme: Training Programme for Officials from Agencies Responsible for SME Development in OIC/D8 Member Countries, 3-12 December 2012, Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur**

SME Corp. Malaysia, with the support from the Ministry of Foreign Affairs Malaysia, organised this programme to illustrate Malaysia's policies, strategies and incentives in SME development, as well as, to facilitate exchange of knowledge and best practices between SME Corp. Malaysia and participating Agencies from OIC/D8 member countries. A total of 18 participants from the OIC/D8 member countries, representing various Ministries and Agencies related to SME development in their respective countries, attended the programme.



KISAH KEJAYAAN PKS

Kejayaan bukan sekadar diukur dari segi nombor, tetapi dengan nilai yang wujud hasil daripada pemerkasaan anggota dengan kemahiran dan sumber yang bersesuaian serta jalinan kerjasama yang berterusan.



Success may not always be measured in terms of numbers, but in the value created by way of empowering people with the right skills and resources, as well as, building sustainable relationships.

SUCCESS STORIES SME

“

Bukti sebenar akan kerelevan kami yang berterusan terletak pada pelbagai ‘kejayaan’ PKS, di mana mereka bukan saja menyambut baik setiap aspek pertumbuhan melalui transformasi positif, malah turut berkeyakinan terhadap kami dan perkhidmatan kami.

”

FIRE FIGHTER INDUSTRY SDN. BHD.

Fire Fighter Industry Sdn. Bhd., yang telah ditubuhkan pada tahun 1974, adalah peneraju industri dalam pembuatan, pemasangan dan penyelenggaraan pelbagai sistem perlindungan kebakaran dan peralatan berkaitan.

Syarikat ini telah membina reputasinya melalui kepakaran dan kejayaan terbukti sejak bertahun lamanya dalam meraih kepercayaan pelanggan dan penghasilan produk berkualiti. Pencapaian besar pertama dalam rekod prestasinya adalah pada tahun 1996 apabila syarikat ini telah menerokai dengan jayanya pembuatan alat pemadam api mudah alih.

Pencapaian besar keduanya telah diperolehi pada tahun 2001 apabila

syarikat ini dianugerahkan pensijilan ISO 9001:1994 dari *Lloyd's Register Quality Assurance* yang memberi pengiktirafan ke atas alat pemadam api mudah alihnya.

Pada tahun 2004, Fire Fighter telah menaiktaraf ke ISO 9001:2000 dan memperolehi pencapaian besar ketiganya



“
